

BAB KETIGA

BAB KETIGA

Bahasa **Arab** dan Dialek-dialek.

3.1. Sejarah Bahasa Arab

Bahasa Arab ini terdiri daripada satu rumpun atau keluarga bahasa yang besar iaitu rumpun atau keluarga Bahasa Sāmiyyat عائلة اللغة (السامية). Perkataan Sāmiyyat ini diambil daripada sempena nama Sām bin Nūh (سَامُ بْنُ نُوح) Muhammad Rawwas Qal'ah Jiy (Dr), 1988 M / 1408 H, ms : 8) iaitu anak Nabi Nūh. Nabi Nūh mempunyai tiga orang anak iaitu Sām (سَام), Hām (هَام) dan Yafith (يَافِث). (AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (Dr), 1990, jld. 5, m.s. 3473)

Menurut pendapat Dr. Subhi Al-Soleh di dalam bukunya Dirāsat Fi Fiqh Al-Lughat ms : 49 - 57, mengatakan bahawa bahasa-bahasa Sāmiyyat terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian Timur (شرقية) dan Bahagian Barat (غربية). Bahasa-bahasa Sāmiyyat di Timur terdiri daripada Bahasa Bābiliyyat (اللغة البابلية) dan Bahasa Asyūriyyat (اللغة الآشورية). Penduduk kawasan ini terdiri daripada qabilah Arab yang berhijrah ke kawasan Selatan Iraq sejak 3000 tahun S.M.

Bahasa-bahasa Sāmiyyat di barat terbahagi kepada dua cabang pula iaitu Utara (شمالية) dan Selatan (جنوبية). Di utara terdiri daripada Bahasa Kan'aniyyat (اللغة الكلعانية) dan Bahasa Arāmiyyat (اللغة الارامية). Bahasa Kan'aniyyat merupakan bahasa-bahasa bagi qabilah Arab yang datang dari barat daya Semenanjung Arab dan

tinggal di Palestin, Syria dan di tengah-tengah negeri-negeri Mediterranean (Lautan Teduh). Ini berlaku pada tahun 2000 S.M. Bahasa Kan'āniyyat (اللغة الكنعانية) ini pula mengandungi beberapa dialek. Antaranya ialah:

i) Ajritiyyat (الأجريتية)

Bahasa Kan'āniyyat ialah bahasa yang paling tertua dan termasyhur dan telah wujud sejak kurun 14 S.M. Peninggalan tulisannya dijumpai di pantai Syria pada tahun 1926. Dari bahasa Ajritiyyat inilah dunia mengetahui huruf abjad.

ii) Kan'āniyyat Qadimat (كُنَعْنِيَّةٌ قَدِيمَةٌ).

Bahasa ini digunakan oleh penduduk-penduduk di kawasan Palestin pada kurun 14 S.M.

iii) Mu'ābiyyat (المُؤَابِيَّة).

lanya merupakan bahasa kaum Nabi Lut (لوط) di kawasan tenggara Laut Mati (بحر الميت). Hasil tulisan bagi bangsa Mu'ābi yang telah dijumpai bertarikh tahun 900 S.M .

iv) Finiqiyyat (الفيئيقية).

Bahasa Finiqiyyat (اللغة الفينيقية) ini merupakan bahasa penduduk di kawasan Selatan Lubnan dan hasil tulisannya dijumpai pada kurun ke 9 dan 10 S.M.

v) (العبرية) Ibriyyat

Ianya merupakan cabang Bahasa Kan'aniyat yang paling penting kerana ia menjadi tulisan Kitab Taurat. Bahasa 'Ibriyyat lama sangat berlainan dengan Bahasa 'Ibriyyat baru kerana Bahasa 'Ibriyyat yang baru ini telah menjadi bahasa kesusasteraan Yahudi.

Adapun Bahasa Arāmiyyat (اللغة الآرامية) diambil daripada kesan-kesan Asyūriyyat dan Bābiliyyat di mana kaumnya berhijrah ke negeri Babil dan Asyur di antara kurun ke 14 dan 12 S.M. Bahasa ini berkembang di kawasan Iraq dan Syām dan ianya mengatasi bahasa-bahasa lain di masa itu. Masa kemuncak bahasa ini di antara tahun 300 dan 650 S.M.

Di Selatan pula terdapat dua bahasa Arab yang besar iaitu **Bahasa Arab Selatan (العربية الجنوبية)** dan **Bahasa Arab Utara (الشمالية)**.

- i) Di daerah **Selatan** terdapat empat dialek yang terpenting iaitu:-
 - a) Ma'iniyat (المعينية)
 - b) Sabal'iyat (السبئية)
 - c) Hadramiyyat (الحضرمية)
 - d) Qatbāniyyat (القطبانية)

Dan bersamanya juga terdapat Bahasa Sāmiyyat di Habsyah.

a) Ma'iniyyat (المعينية)

Dialek ini digunakan oleh Kaum Ma'ini yang tinggal di Selatan Yamen yang dianggarkan hidup dalam kurun ke 8 S.M.

b) Saba'iyyat (السبئية)

Dialek ini digunakan oleh Kaum Saba' yang wujud selepas runtuhnya Kaum Ma'ini . Kaum ini tinggal di Timur Yaman di antara kurun ke 10 dan 15 S.M. (Muhammad Rawwas Qal'ah Jiy (Dr), 1988M /1408H, ms : 9) Ma'rib (مأرب) ialah ibu kerajaan Saba'.

c) Hadramiyyat (الحضرمية)

Bahasa ini dinamakan berdasar kepada nama tempat yang bernama Hadramaut (حضرموت). Kerajaan Hadramaut merupakan kerajaan yang besar dan mempunyai tamadun yang agung serta cemerlang pada waktu itu. Penduduk-penduduk di kawasan ini hidup sezaman dengan Kaum Saba' tetapi disebabkan Kaum Sabai ini lebih kuat maka ia dapat mengalahkan kaum Hadrami (حضرمي) yang tinggal di kawasan Hadramaut.

d) Qatbaniyyat (القبانية).

Bahasa ini diberi nama berdasarkan kepada nama Qatbān (قطبان).

Ianya merupakan sebuah kerajaan yang besar yang terbentuk di pinggir laut utara 'Aden (عَدْن). Kerajaan ini musnah pada akhir kurun ke 2 S.M setelah dikalahkan oleh kerajaan Saba'.

Bahasa Samiyat di Habsyah mempunyai tiga bahasa yang penting. Antaranya ialah Ja`ziyyat, Amhariyyat dan Tigriyyat.

ii) **Manakala Bahasa Arab Utara (العربية الشمالية)** terbahagi kepada dua bahagian iaitu :-

- i) Al-'Arabiyyat Al-Baidat (العربية البائدة)
- ii) Al-'Arabiyyat Al-Baqiyat (العربية الباقية).

i) Al-'Arabiyyat Al-Baidat (العربية البائدة)

Ialah bahasa Arab yang hanya meninggalkan kesan-kesan tulisan di batu-batu sahaja. Ianya telah hilang sebelum kedatangan Islam lagi. Al-'Arabiyyat Al-Baidat mempunyai tiga dialek yang penting iaitu Thamūdiyyat, Safawiyyat dan Lihyāniyyat.

a) Thamūdiyyat (الثمودية):

Ialah dialek yang digunakan oleh qabilah Thamud yang pernah disebutkan di dalam Al-Quran dan kebanyakannya kesannya menunjukkan ia wujud pada kurun ke 3 dan ke 4 M.

b) Safawiyat (الصفوية)

Dialek ini digunakan oleh qabilah di satu kawasan atau tempat yang bernama Al-Sofā (الصفا). Ianya wujud dalam kurun ke 3 dan ke 6 M.

c) Lihyāniyyat (اللحيانية)

Dialek ini digunakan oleh qabilah Lihyān (لحيان) yang tinggal di Utara Hijaz yang wujud di antara kurun ke 2 dan ke 4 S.M.

ii) Al-'Arabiyyat Al-Baqiyat (العربية الباقية)

ia adalah Bahasa Arab yang digunakan sekarang ini di dalam penulisan, karangan dan kesusasteraan. Bahasa ini telah pun sampai kepada masyarakat Arab hari ini melalui syair-syair Jahili, Al-Qur'ān Al-Karīm dan Hadith-hadith Rasulullah s.a.w.

Bahasa ini terbahagi kepada dua kumpulan besar iaitu kumpulan Hijāziyyat Gharbiyyat (حجازية غربية) atau Quraysyiyyat (قرشية) dan Najdiyyat Sharqiyyat (نجدية شرقية) atau Tamīmiyyat (تميمية).

Menurut pendapat Ustaz Qāsim Ahmad di dalam ceramahnya yang bertajuk "**Bahasa Arab Ibu Segala Bahasa**" العربية أم اللغات mengatakan bahawa Bahasa Sāmiyyat ini berasal daripada Bahasa Arab. Bahasa Sāmiyyat ini adalah cabang kepada Bahasa Arab (Muhammad Rawwas Qal'ah Jiy (Dr), 1988M /1408 H, ms : 9).
Oleh kerana bangsa

Arab mempunyai banyak qabilah dan setiap qabilah mempunyai dialek-dialek yang tersendiri yang disebut Lahjat (لَهْجَةٌ). Dialek-dialek Arab sebelum diturunkan Al-Qur'an tidaklah sama tarafnya di antara dialek-dialek itu dari segi kefasihan dan kesusasteranya. Di antara dialek-dialek tersebut, dialek Quraisyah yang paling tinggi mutunya. Walaupun begitu dialek-dialek ini tidak terkeluar daripada kategori bahasa Arab yang standard.

Bahasa perantaraan di antara qabilah-qabilah Arab tersebut ialah Bahasa Arab Fusha (العربية الفصحى). Bahasa ini dipengaruhi dengan banyaknya oleh Bahasa Quraisy disebabkan Bahasa Quraisy itu menjadi lingua franca dalam dunia perniagaan dan agama mereka.

Para sarjana bahasa Arab mengatakan bahawa Bahasa Arab Fusha ini berasal daripada Bahasa Arab Badawi. Oleh itu Bahasa Arab Badawi ini dijadikan sebagai bahasa rujukan untuk pembetulan tentang kesilapan bahasa. Sekiranya orang-orang Badawi ini tinggal lebih jauh di kawasan pendalaman dan tidak bercampur dengan orang-orang asing serta tidak bertamaddun maka bahasanya adalah lebih asli dan betul (Chaim Rabin, , 1986M, ms : 48) .

3.2 Lughat (Bahasa) Arab dan kemunculan Dialek Serta hubungan Keduanya.

Sebelum kedatangan Al-Qur'an Bangsa Arab telah pun memiliki lughat (bahasa) atau lahjat yang telah dipusakai daripada sifat-sifat semula jadi mereka. Pengaruh ini wujud samada daripada faktor

geografi, kemasyarakatan, percampuran antara qabilah, penceburan mereka di dalam perniagaan dan kehidupan semulajadi mereka secara nomad di padang pasir yang kering kuntang atau sebagai petani dan penternak binatang. Di masa kelapangan mereka mendeklamasi puisi dan gurindam, serta mengadakan pertandingan-pertandingan. Semua ini telah menolong mereka menguasai bahasa yang baik dan indah.

Di antara lughat (bahasa) tadi, bahasa Quraisy yang paling terkemuka dan terkehadapan sekali disebabkan mereka ini tercebur di dalam perniagaan. Di samping itu mereka mendiami kota suci Mekah yang terdapat ka'bah serta perkhidmatan mereka memberi perlindungan dan pertolongan kepada orang-orang Arab di musim haji.

Orang-orang Arab dari kaum Quraisy telah menggunakan kesempatan daripada percampuran dan pergaulan di musim haji ini untuk memilih bahasa atau perkataan-perkataan yang indah yang mereka kagumi dari percakapan qabilah-qabilah lain yang datang ke Mekah, walaupun bahasa mereka sendiri sudah pun memiliki sifat-sifat kefasihan dan unik serta indah tuturan bahasanya (Al-Sayutiyy, Abd Al-Rahman Jalal Al-Din, tanpa tarikh, jld. 1 , ms : 210).

Dalam keadaan demikian Allah (s.w.t) telah menurunkan Al-Qur'an kepada Rasulullah s.a.w yang berasal daripada qabilah Quraisy untuk disampaikan kepada sekalian manusia. Al-Qur'an itu diturunkan di dalam bahasa Arab iaitu bahasa ibunda mereka sebagai 'ijaz (اعجاز) yang bagitu cantik dan indah sehingga mencabar Kredibiliti para pendita **Arab** dan sasterawan mereka. Hal ini telah diterangkan oleh Allah s.w.t di dalam Al-Qur'an "اَنَا اُنْزَلْنَاهُ قُر'اًنًا"

عَرَبِيَا لِعَلْكُمْ تَعْقِلُونَ .(Yusuf : 2) Ertinya: Sesungguhnya kami turunkan Al-Qur'an dalam Bahasa Arab mudah-mudahan kamu semua dapat memahaminya.

Sebelum penulis membicarakan tentang lughat (bahasa) Arab dan kemunculan dialek-dialek serta hubungan keduanya adalah lebih baik kita mengetahui terlebih dahulu tentang maksud pengertian dialek dan bahasa , hubungan antara keduanya dan faktor-faktor wujudnya dialek-dialek tersebut. Yang dimaksudkan dengan dialek di sini ialah dialek-dialek Bahasa Arab klasik dan bukanlah dialek-dialek yang terdapat sekarang ini seperti dialek Saudi, dialek Mesir dilalek 'Iraq dan lain-lain lagi.

Pengertian Lughat (لغة)

Lughat ertinya bahasa, menurut Ibn Jinni (ابن جنى) di dalam kitabnya Al-Khasais telah mentarifkan bahawa bahasa itu sebagai suara yang dilahirkan oleh setiap kaum untuk menggambarkan tujuan mereka. (Subhi Abd Al-Hamid Muhammad Abd Al-Karim (Dr), 1986M / 1406 H, Ms : 27)

لغوت اى) Lughat (لغة) di atas pola (فعلة) diambil daripada kata تكلمت (لغوة) yang berasal daripada perkataan (لغو) atau (لغوة).Lughat (لغة) kata mufrad, dan kata jamaknya Lughāt (لغات), dalam hadith Rasulullah s.a.w : " من قال في الجمعة صة قد لغا " Ertinya: Sesiapa yang berkata perkataan " صة" pada waktu Jumaat (iaitu ketika imam berkhutbah), sesungguhnya ia telah bercakap. Perkataan " لغى" yang

terdapat di dalam hadith ini memberi erti " تكلم " iaitu bermakna bercakap (Al-Sayuti, Abd Al-Rahman Jalal Al-Din, tanpa tarikh, jld 1, ms : 7).

Mengikut Imam Al-Haramayn di dalam kitab Al-Burhan (البرهان) berkata bahawa lughat (لغة) berasal daripada katakerja laghi (لغى) dalam katakerja lampau (ال فعل الماضى) dan yalgha dalam katakerja kini (ال فعل المضارع). Ia dikatakan juga berasal daripada lagha (لغى) dalam katakerja lampau dan yalgha dalam katakerja kini. Perkataan "لغى" bermakna "لهج" (لهج بالكلام) iaitu menutur sesuatu dengan berkata-kata.

Ibn. Al-Hājjib (ابن الحاجب) yang berkata di dalam kitabnya bernama Mukhtasar (مختصر), lughat ialah setiap lafaz atau perkataan yang ditetapkan untuk sesuatu makna. Menurut Al-Asnawi pula di dalam kitab Syarh Minhaj Al-Usul (شرح منهج الأصول) berkata lughat (bahasa) itu ialah perkataan-perkataan yang dicipta untuk memberikan sesuatu makna. (Al-Sayuti, Abd Al-Rahman Jalal Al-Din, Tanpa Tarikh, ms : 8)

Lughat (bahasa) berperanan sebagai suatu alat perhubungan untuk berkomunikasi di antara individu-individu yang terdapat di dalam sesuatu kaum.

Bilakah permulaan Bahasa Arab? Sekiranya kita menyelidiki Bahasa Arab S.M kita tidak akan menjumpai sebarang kesan bagi Bahasa Arab kerana teks yang tertua yang dijumpai tidak melewati kurun

ketiga masihi. Ini tidak bererti bahawa Bahasa Arab tidak wujud sebelum masihi atau ianya lebih muda daripada bahasa-bahasa Sami yang lain.

Mengikut pendapat para pengkaji bahasa golongan orientalis menegaskan bahawa Bahasa Arab mempunyai ciri-ciri utama untuk rumpun Bahasa Sami yang melebihi bahasa-bahasa lain. Contohnya sistem 'Irab (اعراب) (جُمُع التَّكْسِير), Jamak Taksir (جمع التَّكْسِير) dan lain-lain lagi, sedangkan bahasa-bahasa lain banyak mengalami perubahan yang menjauhkannya daripada ciri-ciri utama Bahasa Sami. Ini mungkin disebabkan kerana Bahasa Arab ini terletak di kawasan yang terpencil di tengah-tengah semenanjong Arab.⁴

Kedaaanbuta huruf yang ada di dunia Arab merupakan salah satu faktor tidak wujudnya hasil-hasil tulisan seperti setengah kaum-kaum lain. Teks Bahasa Arab yang tertua yang dapat dikesan hanya wujud dua kurun sebelum Islam. Ianya merupakan adab (kesusasteraan) jahili tetapi ada juga orientalis yang mengatakan bahawa beberapa *prasasti* yang dijumpai di Utara Semenanjung Arab merupakan Bahasa Arab yang wujud sebelum adanya adab jahili (kesusasteraan di zaman jahiliah), antaranya ialah:-

- (i) Prasasti Nammārah (نَمَارَة) 328 Masihi
- (ii) Prasasti Zabd (زَبْد) 512 Masihi
- (iii) Prasasti Hauran (هُورَانٌ) 528 Masihi

Mengikut pengkaji Arab, sebenarnya prasasti-prasasti tadi tidak boleh dikira sebagai peringkat pertama Bahasa Arab kerana:-

- (i) Teks-teksnya terlalu sedikit yang tidak dapat memberi gambaran yang jelas tentang Bahasa Arab pada masa itu.
- (ii) Kebanyakkan perkataan yang digunakan mengenai nama-nama orang yang tidak boleh membantu dalam kajian bahasa.
- (iii) Prasasti-prasasti tadi hanyalah berkenaan dengan perkata-perkara yang hampir sama seperti catatan mengenai gereja atau kubur, dan ini tidak cukup untuk kajian bahasa tetapi ia mungkin berfaedah untuk kajian sejarah.
- (iv) Kebanyakkan bahasa yang digunakan bercampur aduk dengan Bahasa Arami dan banyak perbezaan dengan Bahasa Arab sekarang ini. Ini disebabkan bangsa Aram hidup berjiran dengan qabilah Arab di Utara Semenanjung Arab.

Para pengkaji bahasa mengambil keputusan bahawa Bahasa Sastera Arab jahili yang menjadi pegangan serta menjadi punca kepada Bahasa Arab sekarang tidak melebihi dua kurun S.M.

Hubungan antara *Lughāt* dengan *Lahajat* ialah hubungan sesuatu yang bersifat umum dengan yang bersifat khas atau khusus (Subhī Abd Al-Hamid Muhammad Abd Al-Karim (Dr), 1986M / 1406 H, ms : 31). *Lahjat* ialah bahasa tuturan khas yang digunakan di satu daerah yang terpengaruh dengan alam persekitaran tempatan yang berbeza dengan daerah-daerah lain. Daripada perbezaan inilah munculnya beberapa *Lahjat* (dialek) yang masing-masing mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Walaupun begitu ia mempunyai

kaitan yang rapat antara satu dengan lain, yakni setiap Lahjat (dialek) tidak akan terkeluar daripada Lughat (bahasa) asalnya (Abduh Al-Rajhi, 1969M, ms : 37).

Pengertian perkataan Lughat di sini bukanlah seperti yang ditakrifkan oleh pakar-pakar bahasa. Apa yang dimaksudkan di sini ialah satu istilah khusus yang ditetapkan di dalam Qirā'at iaitu Lahjat. Perkataan Lahjat adalah satu bahagian daripada Lughat. Perkataan ini selaras dengan penggunaannya oleh pakar-pakar bahasa yang dahulu kerana kebanyakan mereka lebih gemar menggunakan perkataan Lughat (لغات) dengan erti Lahjat (لهجات).

Ulamak telah meletakkan beberapa garis panduan atau neraca kefasihan di dalam membuat pengkaedahan Bahasa Arab. Antaranya:-

i) **Ayat-ayat Al-Qurān**

Kesemua Ulamak bersepakat bahawa ayat-ayat suci Al-Qurān boleh diambil menjadi hujjah atau dalil dalam membuat pengkaedahan Bahasa Arab.

ii) **Syaer**

Mereka bersepakat juga tentang syaer bahawa syaer jahili, syaer mukhadram (مخضرم) dan syaer di zaman Islam hingga pertengahan kurun kedua hijrah dijadikan hujjah di dalam membuat pengkaedahan Bahasa Arāb.

iii) Hadith Rasulullah S.A.W

Dari segi hadith Ulamak telah berpecah kepada dua golongan : -

- a) Golongan yang terbesar daripada Ulamak berpendapat bahawa hadith tidak boleh diambil sebagai hujah atau dalil di dalam membuat kaedah Bahasa Arab kerana Hadith diriwayatkan dengan makna dan ramai sekali perawi-perawi Hadith terdiri daripada kalangan Muwallad iaitu orang yang hidup selepas zaman hujah bahasa dan kemungkinan mereka menghadapi pencemaran bahasa.
- b) Golongan kedua pula membolehkan mereka mengambil Hadith sebagai hujah atau dalil dalam membuat kaedah Bahasa Arab. Alasan mereka sekiranya perawi Hadith berkemungkinan tercemar bahasanya apatah lagi perawi syaer. Bahkan kemungkinan pencemaran di dalam syaer lebih meluas tetapi disebabkan perawi Hadith ini mempunyai dorongan agama yang kuat dapat membantu mereka menjaga Hadith yang mereka bawa.

Ulamak-Ulamak silam tidak mengambil Hadith sebagai hujjah walaupun mereka tidak berterus terang menegahnya . Bahkan setengah daripada mereka ada juga mengambil Hadith sebagai hujjah walaupun sedikit sahaja. Ulamak-Ulamak yang terakhir (متاخرين) bertelagah pendapat mengenai hal ini dengan begitu jelas sekali dalam kurun ke 7 dan 8 H. Antara tokoh-tokoh yang menegah mengambil Hadith di dalam membuat kaedah Bahasa Arab ialah Ibn Al-Dā'i Al-Asybaliy (ابن الصنائع الأشبلية) dan Abu Hayyan (أبو حيّان).

Diantara tokoh-tokoh yang mengharuskan pula ialah Ibn Mālik (ابن مالک) dan Ibn Hisyām (ابن هشام).

Sesetengah pengkaji di kalangan Ulamak baru berpendapat bahawa kita hendaklah mengambil sikap sederhana dengan membahagikan Hadith ini kepada dua bahagian.

A. Bahagian pertama

i) Kumpulan Hadith-hadith yang dibuat hujjah antaranya ialah apa yang diriwayatkan tentang perkara yang berkait dengan kefasihan atau kepetahanan bahasa Rasulullah S.A.W. Contohnya :

a) مات حتف أنفه "

Bererti "Seseorang yang telah mati di atas tilamnya tanpa pukulan dan pembunuhan".

b) حمى الوطيس " Bererti "Peperangan yang bersangatan".

ii) Lafaz-lafaz doa, lafaz Qunut, lafaz Tahiyyat dan juga lafaz-lafaz lain yang berkait dengan ibadah.

iii) Hadith yang diriwayatkan daripada berbagai-bagai sumber tetapi lafaznya satu.

iv) Hadith yang diriwayatkan oleh orang-orang yang terdidik di dalam suasana Arab seperti Anas bin Malik dan Imam Syafi'e atau yang dibesarkan di dalam suasana Arab.

B. Bahagian kedua.

Hadith yang tidak dijadikan hujjah ialah hadith yang dikumpulkan agak lewat yang diragui kesahihannya atau pun yang shadh (شاذ) iaitu ganjil riwayatnya.

Bagi prosa pula ia dibahagikan mengikut kefasihan qabilah di atas dua asas.

i) Jarak jauhnya qabilah itu tinggal dari Mekah.

ii) Sifat-sifat kebadawian yang ada pada qabilah itu.

Oleh itu mereka mengutamakan bahasa qabilah-qabilah yang tinggal di kawasan Hijaz (حجاز), Najd (نجد) dan di kawasan tengah Semenanjung Arab. Qabilah-qabilah yang tinggal di pinggir atau sempadan semenanjung Arab bahasa mereka ditolak kerana bahasa-bahasa tersebut tercemar dengan bahasa-bahasa jiran. Di samping itu mereka mengutamakan bahasa-bahasa qabilah yang tinggi sifat kebadawiannya.

Pengertian Lahajat (لهجات).

Lahajat (لهجات) ialah kata jamak daripada perkataan lahjat (لجة) atau lahajat (لهجات). Al-Lahjat (اللهجة) yang bererti Al-lisan (اللسان) iaitu bahasa tuturan manusia yang digunakan di dalam perbualan harian dan merupakan kebiasaan kepada mereka bertutur sedemikian (Lois Ma'lup, 1956M, ms : 735 / Majma Al-Lughat Al-Arabiyyat, 1973M/ 1393H, ms : 841).

Dialek (لهجة) ialah satu himpunan sifat-sifat bahasa (rupa bahasa) yang dihubungkan kepada satu suasana tertentu. Semua unsur-unsur suasana tadi sama-sama mempunyai sifat-sifat tersebut (Ibrahim Anis (Dr), 1965M, ms : 16).

Dialek-dialek yang dimaksudkan disini ialah dialek-dialek Arab klasik. Menurut pendapat Dr. Muhammad Salim Muhaysan, tentang dialek Arab klasik katanya " *Bila disebut dialek tersebut bukan dirujukkan (dierangkan) kepada ukiran-ukiran yang terdapat di utara semenanjung Arab di zaman sastera jahili dulu. Apa yang dimaksudkannya ialah dialek-dialek yang dinukilkan kepada kita dalam buku-buku bahasa, sastera, sejarah yang berupa syaer, prosa dan lain-lain yang mempunyai unsur-unsur tertentu dan menjadikan qabilah-qabilah Arab terkenal sebelum munculnya Islam* ". (Mohd Salim Muhaysan(Dr), 1984M/ 1404H, jld. 1, ms : 81)

Perkataan lughat yang memberi erti lahjat selalu digunakan di dalam buku-buku bahasa dalam penulisan-penulisan mengenai lughat (bahasa bahasa) qabilah yang terdapat dalam Al-Qur'an, sebab mereka

tidak bercakap selain daripada Bahasa Arab, Al-Qur'an memang telah diturunkan dalam Bahasa Arab, hal ini telah dijelaskan dalam Al-Qur'an "وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا" (Taha : 113) Ertinya : Bagitulah juga kami turunkan kepadanya Qur'an berbahasa Arab, dan juga Allah berfirman : "إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ" (Al-Zukhruf : 3) Ertinya: Sesungguhnya kami menjadikan Al-Qur'an dalam Bahasa Arab supaya kamu memahaminya.

Ini dapat difahamkan apabila perkataan lughat dihubungkan dengan Al-Qur'an maka sudah pasti ia bermaksudkan lahjat. Dan sudah jelas bahawa Bahasa Arab seperti juga dengan bahasa-bahasa yang lain di dunia ini mempunyai lahjat.

Ulamak-Ulamak dahulu menamakan lahjat dengan perkataan al-lughat (اللغة) atau al-lahan (الحن) dan bagitu juga Ulamak-Ulamak di zaman jahiliah iaitu zaman sebelum Islam dan di zaman permulaan Islam menamakan lughat dengan perkataan al-lisan (السان). Perkataan al-lisan yang bererti al-lughat telah disebut di dalam Al-Qur'an sebanyak lapan kali.

Di antara sifat-sifat yang membezakan dialek (لهجة) ialah:-

- i) Dari segi suara, contohnya perkataan fuztu (فُزْتُ), orang dari qabilah Tamim menyebut fuzdu (فُزْدُ).
- ii) Pada setengah sifat yang berkaitan dengan struktur kalimah, contohnya perkataan Madin (مَدِينَ), qabilah Tamim menyebut Madyun (مَدِيْونَ).

- iii) Dari segi makna perkataan , contohnya perkataan al-hajras (الحجرس), di sisi orang Hijaz perkataan ini memberi erti al-qird (القرد) iaitu kera atau beruk, tetapi di sisi qabilah Tamimianya bererti al-thalib (الثعلب) iaitu Musang

Secara umumnya kesemua lahajat (dialek-dialek) di bawah satu bahasa hendaklah mempunyai persamaan daripada segi makna. Kebanyakkan kalimah atau perkataan dan struktur perkataan terdapat kesamaannya

Ada pun rumpun bahasa terdiri daripada beberapa bahasa yang berasal daripada satu punca, setiap satunya mempunyai sifat-sifat yang membolehkan ahli bahasa merujuknya kepada asal tadi.

Antara perkara yang menjadi titik persamaan antara bahasa di bawah satu rumpun ialah:-

- i) Ganti nama (الضمائر)
- ii) Bilangan (الأعداد)
- iii) Ganti nama penunjuk dan penghubung (اسم الاشارة والموصول)
- iv) Banyak persamaan dalam makna bagi perkataan-perkataan yang asas , contohnya perkataan bumi (الأرض), langit (السماء), gelaran-gelaran keluarga (القباب الأسر) seperti bapa (كالآب), ibu (الأم), saudara (الأخ), dan anak (الابن).
- v) Kata-kata tugasan dalam ayat (الجر - إلزام)
- vi) Titik-titik persamaan secara umum dari segi susunan ayat.

Terdapat beberapa sifat suara yang membezakan lahajat, antaranya ialah:

- i) Perbezaan pada daerah artikulasi (مخرج) setengah huruf
- ii) Perbezaan pada meletakkan organ-organs artikulasi (أعضاء النطق) sesetengah huruf
- iii) Perubahan pada setengah huruf vokal.
- iv) Perbezaan rentak pertuturan
- v) Perbezaan pada sistem tindak balas (قوانين التفاعل) antara huruf yang berdekatan.

Neraca untuk mengukur sesuatu lahjat itu samada berdekatan atau berjauhan antara satu lahjat dengan lahjat yang lain adalah bergantung kepada sebanyak manakah ianya memiliki sifat-sifat yang telah disebutkan tadi.

Kadang-kadang keadaan sosial di satu kawasan itu boleh melahirkan lahjat yang khusus pula berdasarkan kepada taraf hidup dari segi ekonomi, pelajaran dan pendidikan. Kumpulan terpelajar menggunakan dialek yang berlainan daripada kumpulan tidak terpelajar, pelajar-pelajar universiti menggunakan dialek yang berlainan daripada dialek petani-petani dan bagitu juga pensyarah-pensyarah universiti dialek mereka berlainan dengan dialek buruh (Muhammad 'Ali Al-Khūlī (Dr), 1982M/1402H; ms:16).

Oleh itu, bukanlah satu perkara yang mudah kita hendak menetapkan had minima yang membezakan sesuatu lahjat dan juga tidak ada satu

ikatan antara satu lahjat daripada segi luasnya atau bilangan penggunanya.

Di Semenanjong Arab terdapat dua situasi yang berbeza dari segi sosial dan kebudayaan:-

- i) Situasi atau kawasan maju iaitu di Mekah, Yathrib (يَثْرَب), bandar besar di Yaman, kawasan Hirat (حِرَاطَة), Selatan 'Iraq dan kawasán 'Asásanat (عَسَاسَنَة) yang terletak di Selatan Syām (شَام).
- ii) Kawasan pendalaman iaitu kawasan badawi di mana kehidupan masyarakatnya tidak tetap tinggal di sesuatu tempat, malah sentiasa berpindah randah dari satu tempat ketepat yang lain.

Dari sini timbulah berbagai-bagai dialek, di antara faktor-faktor yang boleh timbulnya dialek ialah:-

i) Faktor Geografi

Penduduk yang mempunyai satu bahasa asal, contohnya mereka telah mendiami di satu kawasan geografi yang luas, yang keadaan alam semula jadinya tidak sama. Penduduk di bahagian bukit dan daerah persisiran umpamanya tidak sama penghidupan mereka dengan penduduk kawasan berpadang pasir. Maka di dalam jangka masa yang agak lama, keadaan alam ini boleh mencetuskan lahjat yang berlainan serta berbeza di antara satu sama lain.

ii) Faktor kemasyarakatan:

Taraf kehidupan manusia boleh mewujudkan dialek, misalnya golongan atasan menggunakan dialek yang berlainan jika dibandingkan dengan golongan pertengahan dan bawahan. Sebagai contoh terdapat perbezaan dialek di kalangan para pekerja daripada berbagai bidang pekerjaan, seperti dalam bidang perniagaan atau bidang pertanian. Hasil daripada perbezaan ini muncullah bahasa pasar atau disebut dengan Bahasa Arab iaitu lahjat 'ammiyyat.

iii) Pertembungan serta percampuran antara berbagai bahasa berpunca daripada peperangan, penghijrahan, perniagaan serta hubungan kejiranan juga merupakan salah satu faktor yang mewujudkan dialek serta memainkan peranan penting kearah pertumbuhan dialek tersebut. Sebagai contoh, satelah Bahasa Arab tersibar luas di luar semenanjung Arab, ia telah mengalahkan beberapa bahasa lain antaranya Bahasa Arami di 'Iraq dan Syām, Bahasa Qibti di Mesir, Bahasa Barbar di Utara Afrika dan Bahasa Parsi di beberapa kawasan Iran. Bagitu juga berlaku di Eropah di mana Bahasa Rom telah banyak mengatasi bahasa-bahasa lain satelah orang Rom berjaya menakluki bangsa-bangsa itu. Di antara bahasa yang bercampur dengan Bahasa Arab dengan bukan Bahasa Arab ialah Bahasa Urdu.

Oleh itu dialek Arab yang tersebar di Semenanjong Arab sebelum Islam tertulah tidak jauh daripada faktor-faktor umum yang membawa kepada pertumbuhan dialek. Ketika itu kedudukan geografi, penghijrahan, pertembungan bahasa dan percampuran penduduk

adalah faktor penting kepada perubahan bahasa. Contohnya penghijrahan orang-orang Hijaz ke Yaman dan orang-orang Yaman ke semenanjung Arab menyebabkan berlakunya kemunculan dialek.

Di samping itu pula kegiatan qabilah-qabilah Arab yang sentiasa memilih Mekah sebagai pusat kegiatan perniagaan, politik dan kebudayaan di mana pemimpin-pemimpin qabilah tadi sentiasa bertemu dan megadakan pesta-pesta yang berkaitan dengan karya-karya sastera samada berbentuk puisi atau prosa. Pengambil bahagian di dalam pesta-pesta tersebut tidak menggunakan ciri-ciri dialek mereka tetapi mereka menggunakan bahasa standard dan bahasa inilah yang menjadi bahasa persuratan sehingga ke hari ini. Kemampuan sesaorang menggunakan bahasa standard tadi menjadi lambang kemegahan kepada setiap qabilah, di dalam masyarakatnya mereka bercakap menggunakan dialek tersendiri.

Oleh itu apabila datangnya Al-Qur'an, ia mencabar tokoh-tokoh Bahasa Arab yang ada pada masa itu untuk mencipta satu ayat seperti mana yang terdapat di dalam Al-Qur'an. Akhirnya mereka tidak mampu berbuat demikian. Dengan turunnya Al-Qur'an yang menggunakan bahasa standard, maka bertambah kuat lagi dalam penyatuan bahasa di kalangan qabilah-qabilah Arab yang terdiri daripada berbagai bahasa.

3.3 Pandangan Ahli- Ahli Bahasa Arab Terhadap Dialek.

Pandangan ahli-ahli Bahasa Arab terhadap dialek berubah mengikut zaman dan faktor sosio-politik. Sebelum Islam atau turunnya Al-Qur'an, setiap qabilah berpegang kuat kepada dialek-dialek mereka

tetapi tokoh-tokoh bahasa pada masa itu menggunakan bahasa standard di dalam setiap majlis atau pesta yang diadakan. Apabila mereka pulang ke qabilah masing-masing mereka menggunakan semula dialek masing-masing. Apabila datangnya Islam, Allah s.w.t mengharuskan Al-Qur'an itu dibaca dengan berbagai-bagai dialek. Tujuannya ialah untuk memberi kerahmatan, kelonggaran dan kemudahan kepada orang ramai membaca dan menyebutnya serta memahami isi kandongannya, seperti mana terdapat di dalam hadith Rasulullah s.a.w bersabda :

"نَزَّلَ الْقُرْآنَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ أَيْهَا قَرَأْتَ اصْبَتْ"

(Al-Musnad Liliimam Al-Hafiz Al-Kabir Abi Bakr Abdullah bin Al-Zubayr Al-Hamidiy, Tanpa Tarikh, Jilid 1, ms : 163)

Ertinya: Al-Qur'an itu diturunkan di dalam tujuh huruf, mana satu huruf yang engkau baca adalah dikira benar.

Setelah negara Islam menjadi luas, demi menjamin kestabilan kesatuannya serta hendak mengelakkan daripada berlakunya perpecahan pada masa itu, maka dialek tidak diambil perhatian berat atau penting, kecuali disebut di dalam buku-buku bahasa sastera dan sejarah sahaja.

Apabila sampai sahaja di zaman pembukuan, maka ahli-ahli bahasa mula membuat penilaian di antara qabilah-qabilah tersebut. Mereka tidak mengambil kira tentang qabilah-qabilah yang tinggal di kawasan pinggir Semenanjong Arab. Bahasa-bahasa qabilah tersebut ditolak dan tidak dijadikan hujjah atau dalil di dalam membuat pengkaedahan bahasa. Ini berlaku disebabkan mereka bimbang akan berlaku pencemaran bahasa disebabkan kedudukan mereka berjiran dengan

kaum-kaum yang lain. Contohnya bahasa qabilah Qada'at (قضاء) yang berjiran dengan Rom. Ini berkemungkinan Bahasa Rom akan mempengaruhi bahasa mereka. Bagitu juga apa yang telah berlaku kepada qabilah Ta'lab (تغلب) dan Al-Namr (النمر). Kedua-duanya dipengaruhi oleh Bahasa Parsi dan Yunan. Ahli-ahli bahasa juga menolak tentang kefasihan Bahasa Bakr disebabkan perhubungan mereka dengan Parsi dan Al-Nabt (النبط), dan begitu juga percampuran qabilah-qabilah Yaman dengan Habsyah menjadikan kefasihan bahasa mereka dipertikaikan (Ibrahim Anis (Dr), 1965M, ms : 47). Oleh itu mereka mengutamakan qabilah-qabilah Quraysy, Tamim, Qays, Asad, Huzayl dan beberapa qabilah lagi yang tinggal di kawasan tengah semenanjung Arab sebagai hujjah atau dalil untuk membuat pengkaedahan bahasa. Terdapat juga antara ulamak yang tidak membezakan di antara qabilah-qabilah, bahkan mereka memandang semua dialek sebagai hujjah, di antara ulamak tersebut ialah Ibn Jinni.

3.4 Hubungan Lahajat Dengan Qira'at

Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Arab ketika itu terdiri daripada berbagai qabilah. Setiap qabilah itu telah pun mempunyai dialek-dialek mereka yang tersendiri. Ahli-ahli bahasa samada orientalis maupun Arab bersetuju membahagikan daerah dialek Arab di segi geografi kepada dua kawasan yang besar iaitu **kawasan Timur dan kawasan Barat**.

Yang di maksudkan dengan Timur ialah **kawasan Tamim** dan manakala Barat pula ialah terdiri daripada **kawasan Hijaz**.

Pembahagian ini dibuat disebabkan qabilah-qabilah yang tinggal di kedua-dua kawasan tersebut , tidak ada hubungan langsung dari segi kehidupan mereka di antara kedua-dua kawasan itu. Dengan ertikata yang lain bahawa qabilah yang tinggal di kawasan Barat tidak boleh tinggal di kawasan Timur walaupun di sempadannya dan bagitu juga sebaliknya.

Ahli-ahli bahasa juga tidak mendapat kata sepakat di dalam menentukan bilangan-bilangan qabilah yang terdapat pada masa itu. Abu Hayyan (أبو حيّان) mengatakan 64 qabilah di dalam kitabnya Al-Bahr Al-Muhit (البحر المحيط), kata Sheikh Khalid al-Azhari الشیخ (شیخ) Khalid al-Azhari جلال الدين (جلال الدين) 31 qabilah, Jalaluddin Al-Sayuti (السيوطى) berkata 36 qabilah, dan Abu Al-Hasan 'Ali Nur Al-Din (ابو الحسن على نور الدين الأشمونى) bin Muhammad Al-Asymuni (ابن محمد الأشمونى) berkata 25 qabilah. Sekiranya penulis hendak menyebut kesemua pendapat tersebut tentulah tidak termuat di bahagian ini kerana terlalu banyak.

Di sini sudah mencukupi jika penulis menulis tentang qabilah-qabilah yang telah di muliakan oleh Allah kerana dialek-dialek mereka terdapat di dalam Al-Qur'an. Menurut pendapat Dr. Mohd Salim Muhsaysan didalam bukunya Al-Qirā'āt wa Atharuhā Fi 'Ulūm Al-'Arabiyyat, ms : 83-87 mengatakan bahawa qabilah-qabilah tersebut ialah :

i. Azd (الأَزْد)

Iaitu Qabilah Arab yang besar dan termasyhur. Qabilah ini daripada keturunan Al-Azd bin Al-Gauth ibn Kahlān (الأَزْدُ بْنُ الْغَوْثِ بْنٌ كَهْلَانٍ). Qabilah ini terbahagi kepada 4 bahagian :

a. Azd Syanūat (أَزْدٌ شَنْوَعَةً) :

Ianya dari keturunan Ka'b bin Al-Hārith (كَعْبُ بْنُ الْحَارِثِ). Mereka tinggal di Al-Surāt (السَّرَاةِ).

b. Azd Ghastān (أَزْدٌ غَسْتَانَ) :

Mereka ini tinggal di Semenanjung Arab dan negeri Syām.

c. Azd Al-Surāt (أَزْدٌ السَّرَاةِ) :

Mereka ini tinggal di kawasan bukit-bukit Al-Surāt.

d. Azd 'Umān (أَزْدٌ عُمَانَ)

Qabilah ini tinggal di 'Umān.

ii. Asd (أَسْد)

Iaitu Asd bin Khuzaymat (أَسْدُ بْنُ خُزَيْمَةَ) qabilah besar daripada bangsa Adnan. Ianya daripada keturunan Asd bin Khuzaymat bin Madrakat bin Illyas bin Muḍar (أَسْدُ بْنُ خُزَيْمَةَ بْنُ مَدْرَكَةَ بْنُ الْيَاسِ بْنُ مُضْرِ). Mereka tinggal di Al-Karkh (الْكَرْخِ) di Najd (نَجْدِ). Selepas Islam mereka berkembang ke merata-rata tempat. Ada di antara mereka pergi ke Iraq dan tinggal di Al-Kufah semenjak tahun 19H.

iii. Bakr bin Wail (بَكْرُ بْنُ وَائِلٍ)

Qabilah besar terdiri daripada bangsa Adnan juga. Mereka ini daripada keturunan Bakr bin Wail bin Nizar bin Ma'd ibn Adnan (بَكْرٌ بْنُ وَائِلٍ بْنُ نِذَرٍ بْنُ مَعْدٍ بْنُ عَدْنَانٍ). Negeri Bakr bin Wail bermula dari Yamamah sampai ke Bahrain, kemudian berpindah ke Iraq dan tinggal di Dajlah iaitu di kawasan yang terkenal dengan nama Diyār Bakr (ديار بكر).

iv. Balhārith (بلحarith)

Iaitu Balhārith bin Ka'b (بلحarith بن كعب) daripada keturunan Al-Qahtan.

v. Tamīm (تميم)

Ialah qabilah besar dari bangsa Adnan berketurunan Tamīm bin Murrat bin Mudar bin Nizār (تميم بن مرّة بن مضرّ بن نزار). Mereka tinggal di Najd hingga Basrah dan Yamamah sampai ke Bahrayn.

vi. Banu Al-Hārith (بنو الحارث)

Iaitu qabilah Yaman yang terpenting, tempat tinggal mereka di antara San'a' (صنعاء) dan Ma'rib (مارب) dan kawasannya itu menganjur sampai kehujung negeri Bani Hasyisy (بني حشيش) di kampung Farsi.

vii. Khath'am (خثعم)

Iaitu qabilah daripada bangsa Al-Qahtan. Tempat kediaman mereka di bukit-bukit Al-Surāt (السرات).

viii. Rabi'at (رَبِيعَة)

Qabilah ini daripada keturunan Rabi'at bin Nizar bin Sa'd bin Adnan (رَبِيعَةُ بْنُ نَذَارٍ بْنُ سَعْدٍ بْنُ عَدْنَانٍ). Tempat kediaman mereka di Najd dan Tuhamat. Apabila berlaku perang di antara Bani Rabi'at mereka pun berpecah ke merata-rata tempat. Setengah daripada mereka tinggal di Bahrayn, Hijr (هَجْر), Najd (نَجْد) dan Hijaz (حِيَاز).

ix. Zubayd (زَبِيد)

Iaitu Zubayd bin Rabi'at daripada bangsa Qahtan terkenal dengan nama Zubayd Al-Asghar (زَبِيدُ الْأَصْغَرِ).

x. Sa'd Al-'Asyirat (سَعْدُ الْعَشِيرَةِ)

Iaitu salah satu daripada qabilah-qabilah di Hijaz.

xi. Banu Sa'd (بَنُو سَعْدٍ)

Banu Sa'd ibn Bakr bin Hawazin... bin Qais bin 'Aylan (بَنُو سَعْدٍ ابْنُ بَكْرٍ بْنُ هَوَازِنٍ ... قَيْسٌ بْنُ عَيْلَانٍ) daripada keturunan Adnan. Mereka tinggal di Qarn Al-Jibāl (قَرْنُ الْجِبَالِ) iaitu tanah lembah yang mengalir dan menganjur dari Al-Surāt (السَّرَّاۃِ).

xii. Tay' (طَائِي)

Iaitu Tay' bin Adad (طَائِي بْنُ أَدَدٍ) daripada keturunan Qahtan yang tinggal di Yaman, kemudian mereka berhijrah ke Hijaz, Syam, Iraq dan Mesir.

xiii. Fuzadat (فُزَادَة)

Iaitu terdiri daripada keturunan Adnan daripada titisan Fuzadat bin Dhubyān bin Muḍar bin Nizar bin Ma'd bin Adnan (فُزَادَةٌ بْنُ ذَبِيَانَ بْنُ مُذَارَ بْنُ نِيْزَارَ بْنُ مَعْدَ بْنُ عَدْنَانَ). Kemudian mereka berpindah ke Sa'īd (صَعِيد) dan Qalyub (قَلْيُوب) di Mesir.

xiv. Quraysy (قُرَيْش)

Ialah qabilah yang besar daripada keturunan Malik bin Al-Nadar bin Kinānat (مَالِكُ بْنُ النَّضَرِ بْنُ كَنَانَةً) dan dikatakan Quraysy ini dari keturunan Fahr bin Mālik (فَهْرُ بْنُ مَالِكٍ).

xv. Quda'at (قَضَايَة)

Ada yang mengatakan Quda'at ini daripada Himyar (حَمِير) daripada keturunan Al-Qahtan. Mereka itu ialah Banu Quda'at bin Mālik bin Murrat bin Himyar (بَنُو قَضَايَةَ بْنُ مَالِكَ بْنُ مَرَّةَ بْنُ حَمِير). Dikatakan juga mereka dari keturunan Adnan iaitu Quda'at bin Ma'd bin Adnan (قَضَايَةَ بْنُ مَعْدَ بْنُ عَدْنَانَ). Tempat tinggal mereka di Al-syahr (الشَّهْر), Najrān (نَجْرَانَ) (Hijāz) dan kemudian di Syām (الشَّامَ).

xvi. Qays (قَيْس)

Mereka ini dari keturunan Al-Qahtan. Banu Qays bin Ma'd bin Al-khazraj (بَنُو قَيْسَ بْنُ مَعْدَ بْنُ الْخَزْرَاجِ).

xvii. Kinānat (كَنَانَة)

Qat'lah besar daripada keturunan Adnan. Mereka itu ialah Banu Kinānat bin Khuzaymat bin Ma'd bin Adnan (بَنُو كَنَانَةَ بْنُ خَزِيمَةَ بْنُ مَعْدَ) yang tinggal di sebelah Mekah.

xviii. Lakhm (لخم)

Daripada keturunan Lakhm (لخم). Namanya Mālik bin 'Adi bin Al-Hārith bin Murrat (مالك بن عدى بن الحارث ابن مرة) daripada keturunan Qahtan. Kebanyakkan mereka tinggal di Al-Ramlat (الرملاة) dan Mudar (مضر) di Al-Jafār (الجفار). Setengah daripada mereka itu tinggal di kawasan Bait Al-Maqdis (بيت المقدس), dengan sebab itu ianya terkenal dengan panggilan Bait Lahm (بيت لحم) hingga ke hari ini.

xix. Mudar (مضر)

Iaitu Mudar bin Nizar daripada keturunan Adnan.

xx. Huzayl (هذيل)

Iaitu Huzayl bin Madrakat (هذيل بن مدركة) daripada keturunan Adnan juga. Mereka itu ialah Banu Huzayl bin Madrakat bin Ilyas bin Muḍar bin Nizar bin Ma'd (بنو هذيل بن مدركة بن الياس بن مضر بن نزار بن معاد).

xxi. Hamdān (همدان)

Iaitu terdiri daripada qabilah Yaman. Mereka tinggal di Utara San'a' (صنعاء).

xxii. Hawāzin (هوازن)

Hawazin bin Mansūr (هوازن بن منصور) daripada keturunan Adnan. Mereka ini ialah Banu Hawāzin bin Mansur bin 'Ikrimat bin Qays bin

بنو هوازن بن منصور بن عكرمة (Mudar bin Nizar ibn Ma'd bin Adnan)

(بن قيس بن مصر بن نزار ابن معد بن عدنان).

Kesemua qabilah-qabilah yang tinggal di Semenanjong Arab sebelum turunnya Al-Qur'an bercakap Bahasa Arab tetapi tidak kesemua qabilah-qabilah ini menggunakan satu dialek sahaja atau yang sama. Ini adalah merupakan satu perkara semula jadi yang tidak dapat dielakkan disebabkan mereka tinggal di dalam kawasan yang sangat luas.

Dialek-dialek yang dimaksudkan di sini ialah dialek-dialek Arab klasik iaitu dialek-dialek yang dinukilkan kepada kita dalam buku-buku bahasa, sastera, sejarah yang berupa syair, prosa dan lain-lain yang mempunyai unsur-unsur tertentu yang menjadikan qabilah-qabilah Arab terkenal sebelum kedatangan Islam.

Perhubungan di antara qira'at dengan lahajat pada umumnya samalah seperti hubungan ranting (cabang) dengan batangnya jika diibaratkan ianya sebagai sepohon pokok. Kedua-duanya tidak dapat dipisahkan, kerana dengan adanya lahajat ini maka wujudlah Al-Qirā'at di dalam Al-Qur'an.

Al-Qirā'at telah pun mendatangkan kesan yang nyata terhadap dialek-dialek Arab klasik, diantara kesan-kesan tersebut ialah :

- i) Orang-orang Arab bercampur dengan berbagai-bagai bangsa yang mempunyai berbagai dialek, akhirnya terpengaruh dialek-dialek tersebut, berjaya menghapuskan dialek Arab klasik. Dengan adanya

Al-Qur'ān dan Qirā'atnya maka dialek-dialek Arab klasik itu dapat dipelihara dan dijaga dengan baik yang menjadi bahan atau pengakuan sejarah.

ii) Al-Qur'ān dan Qirā'atnya telah memberi kesan yang nyata di dalam membetulkan dialek-dialek kebanyakkan qabilah yang ada di waktu turunnya Al-Qur'ān.

iii) Dengan adanya Al-Qirā'at di dalam Al-Qur'ān, maka manusia dapat mengetahui tentang dialek-dialek Arab ini, kerana Al-Qur'ān ini sentiasa dibaca oleh berjuta-juta muslim di seluruh pelusuk alam samada orang Arab atau pun bukan Arab. Jadi tentulah ada hikmah di mana Al-Qirā'at yang terdapat di dalam Al-Qur'ān mengandungi dialek-dialek bagi kebanyakkan qabilah Arab. Tujuannya semata-mata untuk menyatukan bangsa Arab yang telah berpecah belah sebelum turunnya Al-Qur'ān. Setiap qabilah merasakan bahawa Al-Qur'ān ini merupakan perlumbagaan mereka semua kerana lafaz-lafaz dialek yang mereka tuturi itu terdapat di dalam Al-Qur'ān. Ini adalah merupakan satu penghormatan yang besar kepada mereka .

Barangkali ada lagi tujuan yang lebih besar daripada itu. Boleh jadi Al-Qur'ān ini diwahyukan untuk menjadikan satu bahasa contoh kepada semua bangsa Arab, iaitu satu bahasa yang sangat lengkap dan sempurna daripada semua sudut dan tidak ada bahasa-bahasa lain yang boleh menandinginya. Itulah dia bahasa Al-Qur'ān yang datang mencakupi dan mewakili bagi kebanyakkan qabilah-qabilah Arab.

3.4.1 : Perbezaan Dialek-Dialek Arab Dari Sudut Sebutan.

Di sini eloklah penulis bentangkan secara ringkas tentang berlakunya perbezaan di antara dialek-dialek qabilah Arab dari sudut sebutan (suara). Satengah qabilah menyebut sesuatu lafaz itu berbeza dengan setengah qabilah yang lain. Antara perbezaan itu adalah seperti berikut :

- i) Qabilah Azd Al-Surāt (أَزْدُ الْسَّرَاةَ) meletakkan tanda sukun (ۚ) pada huruf " Ha' " (ه) gantinama lelaki (masculine) ketiga yang bersambung bagi mufrad (singular). Contohnya :

وأشرب الماء مابي نحوه عطش الا لأن عيونه سال واديها
sedangkan Arab lain menyebut " عيونه " iaitu mereka baca huruf " ha' " (ه) dengan meletakkan tanda dammah (ۖ) di atas huruf " ha' " (ه).

Qabilah Azd Al-Surāt juga menukarkan tanda berganda (tanwim) kepada huruf yang sama barisnya (tandanya) pada bacaan wakaf (الوقف). Contohnya " مررت بزيدٍ ". Arab-arab lain menyebut perkatan yang bergaris itu seperti mana yang tertulis, tetapi qabilah Azd Al-Surāt menyebutnya " مررت بزيدى ".

- ii) Qabilah Balhārith (بلحارث)

Mereka membuang dua alif pada perkataan " على الأرض " iaitu alif pada perkataan " على " dan alif pada perkataan " الأرض ". Mereka menyebut perkataan tersebut " علأرض ".

iii) **Bani Malik** daripada **Bani Asad** meletakkan tanda dammah (،) pada " ha' " tanbih (ها التبيه) pada " أَيْهَا " . Sekiranya tidak ada selepas perkataan itu Ism Al-Isyarat (اسم الاشارة - Demonstrative pronouns). Contohnya " أَيْهَا الرَّجُل " , mereka menyebut perkataan ini " أَيْهُ الرَّجُل " . Jika terdapat Ism Al-Isyarah (اسم الاشارة) selepas perkataan " أَيْهَا " , mereka menyebut perkataan itu sapertimana orang-orang **Arab** lain menyebutnya juga iaitu " أَيْهُذَا " .

iv) **Qabilah Tamim dan Asد** memindahkan tanda hamzah kepada huruf sebelum hamzah jika huruf tersebut bertanda sukun pada bacaan wakaf (الوقف). Contohnya perkataan " كَفْءٌ " , mereka menyebutnya " كَفْءٍ " iaitu memindahkan tanda dammah pada hamzah kepada huruf " fa' " (ف) .

v) **Qabilah-qabilah Tamim, Bakr, Asد dan Rabi'at** menukarkan huruf " kaf " (ك) gantinama kedua bagi perempuan (feminine) kepada huruf " syin " (ش) ketika bacaan wakaf. Ianya diberi nama Al-kasykasyah (الكسكشة) . Contohnya :

فَعِينَاكَ عَيْنَاهَا وَجِيدَكَ جِيدَهَا وَلَكَ عَظَمُ السَّاقِ مِنْكَ دَقِيقٌ

(Ahmad 'Alam Al-Din Al-Jundi (Dr), 1983M, Jilid 1, ms : 359 dan 361). Mereka menyebut perkataan " فَعِينَاشَ " menjadi " فَعِينَاكَ " , perkataan " مِنْكَ " menjadi " جِيدَكَ " , perkataan " جِيدَشَ " menjadi " جِيدَشٌ " dan perkataan " منش " menjadi " مِنْشٌ " .

Setengah qabilah di Yaman menukarkan huruf " kaf " (ك) iaitu gantinama kedua samada bagi perempuan ataupun lelaki kepada

huruf " syin " (ش) . Contohnya " لبیک اللهم لبیک " mereka menyebut لبیش اللهم لبیش

vi) **Qabilah Bakr bin Wail dan Hawazin** menyambungkan atau meletakkan huruf " sin " (س) selepas huruf " kaf " (ك) gantinama kedua bagi perempuan . Ianya dinamakan " Al-kaskasah " (الكسسه). Contohnya : " أَكْرَمْتُكَ " , mereka menyebut " أَكْرَمْتَكَ " .

vii) **Qabilah Tamim, Qays, dan Asd** menukar huruf hamzah (ه) dengan huruf 'ayn (ع) . Ianya dinamakan " Al-'an'anat " (العنونة). Contohnya : " يَقْلُن وَمَا يَدْرِين أَنِّي سَمِعْتُهُ " . (Ahmad 'Alam Al-Din Al-Jundi (Dr), 1983M, Jilid 1, ms:365) Mereka menyebut perkataan " أَنِّي " menjadi " عَنِي " .

viii) **Qabilah huzayl** menukar huruf " ha' " (ح) dengan huruf " 'ayn " (ع) . Ini dinamakan " Al-fahfahat " (الفحفة). Contohnya : " عَلَتُ الْعِيَّةَ لِكُلِّ عَيْ " . mereka menyebut " حَلَتِ الْحَيَاةَ لِكُلِّ حَيٍّ " . (Muhammad Rawwas Qal'ah Jiy (Dr), 1988M /1406H, ms : 37)

vix) **Qabilah Tay'** (طيء), **Bani Sa'd, Quda'at** (قضاعة) dan setengah **Bani Tamim** menuarkan " ya' " (ي) bertanda shaddah (ۚ) dengan huruf " jim " (ج) . Ini dinamakan " Al-'aj'ajat " (العجفة). Contohnya " عَمَى عَوِيفٌ وَأَبُو عَلَى الْمَطْعَمَاقِ الْلَّحْمَ بِالْعَثْنَى " . Mereka menyebut perkataan " أَبُو عَلَجٍ " menjadi " أَبُو عَلَى " dan perkatan " الْعَشْجُ " menjadi " الْعَشْنَى " .

Tetapi Qabilah Tamim dan Quda'at menukarkan huruf " ya' " (ي) bertanda shaddah (و) atau pun tidak kepada " jim " (ج). Contohnya perkataan " راعى " mereka menyebut " راعج ".

x) **Qabilah Quda'at** (قبائل قضاة) menukarkan huruf " sin " (س) dengan huruf " ta' " (ت). Ini dinamakan Al-watm (الورم). Contohnya:
يَا قَاتِلَ اللَّهِ بْنِ السُّعْلَةِ عُمَرُ بْنُ يَرْبُوعٍ شَرَارُ النَّاسِ
Mereka menyebut perkataan " الناس " menjadi " النَّاتِ ".

xi) **Qabilah Sa'd bin Bakr, Huzayl, dan Al-Azd** menukarkan huruf " 'Ayn " (ع) yang bertanda sukun (و) dengan huruf " nun " (ن), iaitu dinamakan Al-Istintā' (الإستطاء). contohnya :
جِيادُكَ خَيْرُ جِيادِ الْمُلُوكِ تَصَانُ الْجَلَالَ وَتَعْطَى الشَّعِيرَا
Mereka menyebut perkataan " تعطى " menjadi " تَنْطِي ".

xii) **Qabilah-qabilah Arab** yang bukan tinggal di Hijaz (الحجاز), mereka meletakkan tanda kasrah (ك) pada huruf mudara'at (المضارعة) selain daripada huruf " ya' " (ي) di dalam setengah struktur Al-fi'l al-Mudari' (الفعل المضارع) iaitu perbuatan kala kini. Ianya dinamakan Al-Talatalat (التلالة). Contohnya :

قَلْتُ لِبَوَابِ لَدِيهِ دَارَهَا أَتَذَنْ فَانِي
Mereka menyebut perkataan " أتذن " menjadi " أَتَذَنْ ".

xiii) **Qabilah Tay'** (طيء) dan Daus (دوس) daridapa qabilah Yaman menukarkan (الـ) - Al-Ta'rif (التعريف) Definite kepada (ام) (اـ). Rasulullah s.a.w bersabda " ليس من البر الصيام في السفر ".

Mereka menyebut perkataan " البر " امبر " menjadi " البر " dan perkataan " الصيام " امسيام " menjadi " الصيام ".

xiv) Qabilah Tamin menukarkan Alif Al-Maqsurat (الْأَلْفُ الْمَقْسُورَةُ)

dengan Hamzah ketika baca waqaf. Contohnya perkataan " أفعى " menjadi " أفعى "

Mereka juga mengidhamkan huruf "ayn" (ع) yang bertanda sukun apabila terdapat huruf "ha'" (ه) selepasnya. Contohnya " مع هؤلاء "، mereka menyebut " مهؤلاء ".

Mereka meletakkan tanda kasrah (ـ) pada huruf "ta'" (ت) Al-Ta'ñith (التأنيث) - Feminine) apabila bersambung dengannya gantinama ketiga bagi lelaki. Contohnya : " هند ضربته ". Mereka menyebut " هند ضربتْه ".

Menukarkan hamzah dengan huruf mad yang sejenis barisnya semasa bacaan waqaf. Contohnya :-

" هذا الكلو " " هذَا الْكَلْوُ " mereka menyebut

" رأيت الملا " " رأيَتِ الْمَلَأَ " mereka menyebut

" مررت بالمل " " مررَتِ بِالْمَلِ " mereka menyebut

xv) Qabilah Himyar (حمير) membaca secara waqaf iaitu berhenti di atas " ta' " (ت) Al-Ta'ñith (التأنيث) - feminine) kepada " ta ' " terbuka (ت). Contohnya " البقرة " mereka menyebut " الْبَقْرَةُ ".

Mereka menukarkan huruf " qaf " (ق) dengan huruf " kaf " (ك) semasa bacaan waqaf. Contohnya " يا رفيق " mereka menyebut " يا رفيك ".

xvi) **Qabilah Tay'** (طيء) menukarkan huruf mad pada perkataan " أنا " dengan huruf " ha' " (ه) semasa bacaan waqaf. contohnya " رأيته أنه ", mereka menyebut " رأيته أنا ". Menukarkan Alif Al-Ism Al-Maqsur (ألف الاسم المقصور) kepada waw (و). Contohnya " أفعى ", mereka menyebut " أفعو ".

xvii) **Qabilah Rabi'at** mewaqaf atau memberhentikan bacaan di atas perkataan nama (الإسم) yang bertanda fathah yang berganda dua (ڦ) dengan baris sukun. Contohnya : " رأيت زيداً ", mereka menyebut " رأيت زيد ".

xviii) **Qabilah Fazarat** (فزارة) dan **Huzayl** menukarkan Alif Al-Ism Al-Maqsur (ألف الاسم المقصور) kepada ya' (ي). Contohnya : " أفعى ", mereka menyebut " أفعى ".

xix) **Qabilah Iakhm** (لخم) memindahkan tanda baris di atas huruf yang diwaqafkan keatasnya kepada huruf yang sebelumnya. Ini berlaku semasa bacaan waqaf. Contohnya :
" ضَرْبَهُ " mereka menyebut " ضَرْبَهُ " "
" مِنْهُ " mereka menyebut " مِنْهُ "

xx) Perkataan "يأجوج ، وماجوح ، مرجاون "

Ahli Hijaz tidak menyebut perkataan tersebut dengan secara keras dan kuat atau tinggi suaranya iaitu "يأجوج ، وماجوح ، مرجاون ".

Tetapi ahli Najd menyebutnya dengan cara keras dan kuat serta tinggi suaranya iaitu "يأجوج ، وماجوح ، مرجاون ".

xxi) Perkataan -perkataan "أسوة، غلظة، عدوة".

(قيس عيلان) Qabilah-qabilah Najd , As'd , Bakr dan Qays 'Ailān menyebut perkataan-perkataan tersebut dengan meletakkan tanda

dammah pada awal perkataan iaitu "أسوة، غلظة، عدوة" tetapi sebaliknya qabilah-qabilah Hijaz, Thaqif dan Quraisy menyebut perkataan-perkataan itu dengan meletakkan tanda kasrah pada awal perkataan iaitu "إسوة، غلظة، عدوة"

Di antara dialek-dialek Arab yang telah disebutkan tadi, maka dialek Quraisylah yang paling fasih sekali jika dibandingkan dengan dialek-dialek yang lain. Ini dapat dibuktikan dengan hadith Rasulullah s.a.w yang mana baginda bersabda :

أنا أفصح العرب بيد أولى من قريش وأنا نشأت في بنى سعد بن بكر

(Al-Sayutiyy, Abd Al-Rahman Jalal Al-Din , Tanpa Tarikh, Jilid 1,

ms : 210)

Ertinya Aku adalah orang Arab yang paling fasih yang mana aku ini terdiri daripada bangsa Quraisy dan aku dibesarkan di dalam qabilah Bani Sa'd bin Bakr.

Didalam hadith yang lain pula Rasulullah S.a.w bersabda dengan katanya :

أنا أَفْصَحُ مِنْ نَطْقِ الْمُضَادِ بِيَدِ أَنِي مِنْ قَرِيشٍ

(Al-Jarahiy, Isma'il bin Muhammad Al-'Ajalūnī , Tanpa Tarikh, Jilid 1,
ms : 232)

Ertinya *Aku orang yang paling fasih menutur huruf dad (ض)*
sedangkan aku ini daripada bangsa Quraisy.

Dengan sebab itulah, pada peringkat pertama Al-Qur'an ini diturunkan dengan menggunakan lahjat Quraisy sahaja kerana lahjat Quraisy merupakan lahjat yang paling fasih dan terkemuka disebabkan bahasanya sangat indah dan bagus jika dibandingkan dengan dialek-dialek yang lain. Apabila ramai orang memeluk agama Islam iaitu bermula dari tahun ke 9 hijrah, kebanyakkan daripada pemeluk-pemeluk Islam ini lemah membaca Al-Qur'an dengan lahjat Quraisy kerana lidah mereka sudah terbiasa dengan dialek-dialek mereka.

Maka Rasulullah s.a.w pun bermohon keampunan dan keringinan kepada Allah s.w.t. Maka Allah s.w.t pun menerima permohonan Rasulullah s.a.w dengan mengharuskan atau membenarkan pemeluk-pemeluk Islam membaca Al-Qur'an dengan menggunakan dialek-dialek Arab lain yang fasih. Jika terdapat satu kalimah itu boleh disebut dengan menggunakan dua dialek yang fasih atau lebih, maka ianya diboleh atau dibenarkan membaca dengan dialek-dialek yang fasih itu.

Walau bagaimanapun ianya tidak dibenarkan dibaca lebih daripada tujuh huruf. Ini dibuktikan dengan hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Imam Muslim didalam kitabnya :

عن أبي كعب رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم كان عند
(اضاءة بنى غفار) فأتاه جبريل فقال: إن الله يأمرك أن تقرئ أمتك القرآن
على حرف، فقال : أسأل الله معافاته ومغفرته وأن أمتي لا تطيق ذلك، ثم
أتاه الثانية فقال: إن الله يأمرك أن تقرئ أمتك على حرفين، قال : أسأل الله
معافاته ومغفرته، وإن أمتي لا تطيق ذلك، ثم جاءه الثالثة فقال: إن الله
يأمرك أن تقرئ أمتك على ثلاثة أحرف، قال: أسأل الله معافاته ومغفرته ،
وإن أمتي لا تطيق ذلك، ثم جاءه الرابعة فقال: إن الله يأمرك أن تقرئ
أمتك على سبعة أحرف، فلما حرف قرعوا عليه فقد أصابوا

(Sahih Muslim Bisyarh Al-Nawawiy, Tanpa Tarikh, Jilid 6,
ms : 103 - 104)

Ertinya : Dari Ubai bin Ka'b meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w ketika berada di telaga atau paya Bani Ghifar maka ia didatanginya oleh malaikat Jibril serta berkata: "Sesungguhnya Allah telah memerintahkan engkau untuk membacakan Al-Qur'an kepada umatmu dengan satu huruf ", Nabi s.a.w menjawab "Aku meminta dulu kepada Allah kesejahteraan dan keampunannya, sebab umatku tidak mampu memikul perintah itu," kemudian Jibril datang kali yang kedua kepada Nabi s.a.w seraya berkata:" Sesungguhnya Allah telah memerintahkan engkau membaca untuk umatmu dengan dua huruf," Nabi s.a.w menjawab: " Aku meminta dulu kepada Allah kesejahteraannya dan keampunannya, sebab umatku tidak mampu memikul perintah itu," kemudian Jibril datang lagi menemui Nabi s.a.w kali yang ketiga serta katanya: " Sesungguhnya Allah memerintahkan engkau membaca untuk umatmu dengan tiga huruf," Nabi s.a.w menjawab: "Aku meminta dulu kepada Allah kesejahteraan dan keampunannya, sebab umatku tidak mampu memikul perintah itu," kemudian Jibril datang lagi menemui Rasulullah s.a.w kali yang keempat dengan katanya:

" Sesungguhnya Allah telah memerintahkan membaca Al-Qur'an kepada umatmu dengan tujuh huruf dan mana satu huruf yang mereka baca adalah dikira benar."

Dialek-dialek yang tidak fasih, seperti menukar huruf di dalam perkataan dengan huruf lain mengikut dialek mereka tidak diberikan keringanan atau kelonggaran di dalam bacaan Al-Qur'an. Al-Sayuti pernah menyebut perkara ini di dalam kitabnya Ham' Al-Hawāmi' bahawa Abdullah bin Mas'ud telah membaca ayat 35 daripada surah Yusuf :

" ثُمَّ بَدَا لَهُمْ مِنْ بَعْدِ مَا رأَوْا الْآيَاتِ لِيُسْجِنُنَّهُ حَتَّىٰ حِينَ " (ح)

maka dia telah menukar huruf " ha' " (ح) pada perkataan " kepada huruf " 'ayn " (ع) menjadi " عَتَىٰ " mengikut lughat atau dialek Huzayl . 'Umar bin Al-Khaṭṭāb telah menulis surat kepadanya, sesungguhnya Allah telah turunkan Al-Qur'an ini di dalam Bahasa Arab dan ianya juga diturunkan dalam bahasa Quraisy. Di sini seolah-olahnya 'Umar ingin memberitahu kepada Abdullah bin Mas'ud bahawa Al-Qur'an itu tidak dibenarkan dibaca mengikut bahasa atau dialek Huzayl iaitu dengan menukar huruf " ha' " kepada huruf " 'ayn " pada perkataan " عَتَىٰ ".

Daripada hadith tadi, maka lahirlah perhubungan di antara Al-Qira'at dan Iahajat . Sesungguhnya jāmīhur ulamak telah mentafsirkan tentang " tujuh huruf " yang terdapat di dalam hadith tersebut ialah bermaksud tujuh bahasa . Ramai tokoh-tokoh bahasa yang menyokong pendapat ini dan mereka menegaskan bahawa Al-Qur'an diturunkan dalam tujuh lughat (bahasa) adalah mutawatir.

Terdapat beberapa hadith lain lagi yang berhubung atau berkaitan dengan "tujuh Huruf" ini, diantaranya :

- i) Bukhariy dan Muslim telah meriwayatkan daripada Abdullah bin 'Abbas r.a bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda :

أَقْرَأْنِي جَبْرِيلُ عَلَى حِرْفٍ ، فَرَاجَعْتُهُ فَلَمْ أَزِلْ

أَسْتَزِدُهُ وَيُزِيدُنِي حَتَّى اَنْتَهَى إِلَى سَبْعَةِ حَرْفٍ

(Sahih Al-Bukhariy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms : 227 / Sahih Muslim
Bisyarh Al-Nawawiy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms : 101 / Al-Imam Abi
Muhammad Al-Husayn bin Mas'ud Al-Farra' Al-Baghawiy, Jilid 4,
ms : 501)

ERTINYA : *Jibril telah membaca kepadaku satu huruf, maka aku kembalikan ia kepadanya. Aku sentiasa minta tambah kepadanya dan dia menambahiku sehingga sampai tujuh huruf.*

- ii) Bukhariy dan Muslim telah meriwayatkan bahawa 'Umar bin Al-Khattab r.a berkata :

سمعت هشام بن حكيم يقرأ سورة الفرقان في حياة رسول الله صلى الله عليه وسلم، فاستمعت لقراءته فإذا هو يقرؤها على حروف كثيرة لم يقرئها رسول الله صلى الله عليه وسلم فكدت أساوره في الصلاة فانتظرته حتى سلم ثم لبنته برداه فقلت: من أقرأك هذه؟ قال: أقرأنيها رسول الله صلى الله عليه وسلم. قلت له: كذبت. فوالله إن رسول الله صلى الله عليه وسلم أقرأني هذه السورة التي سمعتك تقرؤها، فانصرف أقوده إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم فقلت: يا رسول الله إنني سمعت هذا يقرأ سورة الفرقان على حروف لم تقرئها وأنت أقرأنتي سورة الفرقان فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: أرسله يا عمر، إقرأ يا هشام، فقرأ هذه القراءة التي سمعته يقرؤها قال رسول الله صلى الله عليه

وسلم : هكذا أنزلت، ثم قال: إن هذا القرآن أنزل على سبعة أحرف فاقرأ أو ما تيسر منه

(Sahih Al- Bukhariy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms : 227 - 228 / Sahih Muslim Bisyarh Al-Nawawiy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms : 98 - 99 / Tuhfat Al-Ahwadhiy Bisyarh Jāmi' Al-Tirmidhiy, 1964 M / 1384 H / Al-Syaibaniy, Abd Al-Rahman bin 'Ali Al-Ma'ruf Bi-ibn Al-Diba', Jilid 1, ms. 200)

Entinya : Saya telah mendengar Hisyam bin Hakim membaca surah Al-furqān pada masa hidup Rasulullah s.a.w, saya dengar bacaannya ternyata dia membacanya dengan huruf-huruf yang banyak yang belum pernah dibacakan kepada saya oleh Rasulullah s.a.w. Maka hampir-hampir saya hendak membunuhnya ketika dia sedang bersolat, maka saya bersabar menunggunya sehingga dia selesai bersolat. Saya terus memegang serbannya dan bertanya: Siapakah yang membacakan kepadamu surah yang baru saya dengar sebentar tadi? jawab beliau: Rasulullah s.a.w. Saya menyangkal dengan berkata: Kamu pendusta, sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah membacakan kepada saya surah ini berlainan daripada apa yang engkau baca. Kemudian 'Umar r.a terus membawa Hisyam mengadap Rasulullah s.a.w dengan menyebut kepada baginda bahawa Hisyam inembaca surah Al-Furqān berlainan dari apa yang baginda bacakan kepadanya. Lalu Rasulullah s.a.w bersabda: Wahai 'Umar lepaskan dia, bacalah wahai Hisyam. Kemudian dia membacakan bacaan tadi yang saya dengar ketika dia membacanya. Rasulullah s.a.w bersabda: Bagitulah ia diturunkan , seterusnya Baginda s.a.w bersabda: Sesungguhnya Al-Qurān ini diturunkan dengan tujuh huruf , maka bacalah apa yang paling mudah daripadanya.

iii) Abu Ya'la telah meriwayatkan di dalam musnadnya bahawa Saidina 'Uthmān r.a pernah pada suatu hari berkata di atas mimbar :

أَنْكَرَ اللَّهُ رَجُلًا سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ الْقُرْآنَ أُنْزِلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ كُلُّهَا شَافٌ كَافٌ، لَمَّا قَامَ، فَقَامُوا حَتَّى لَمْ يَحْصُوا، فَشَهَدُوا أَنَّ الرَّسُولَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أُنْزِلَ الْقُرْآنُ عَلَى سَبْعَةِ حِرْفٍ كُلُّهَا شَافٌ كَافٌ. قَالَ عُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: وَأَنَا أَشْهُدُ مَعْهُمْ

(Al-Sayutiyy, Jalal Al-Din Abd Al-Rahman , 1967M / 1387H, Jilid 1, ms : 131 / Muhammad Ali Al-Sabūniy 1981M / 1401H, ms : 211)

Ertinya : Aku mengingati Allah akan seorang lelaki yang pernah mendengar Rasullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya Al-Qur'an diturunkan dengan tujuh huruf kesemuanya jelas dan sempurna. Apabila orang itu bangun ramai para hadirin ikut bangun hingga tidak terkira banyaknya. Mereka bersaksi di atas perkara itu, maka Saidina 'Uthman pun berkata : Saya turut bersaksi bersama mereka.

عن أبي بن كعب قال : قال رسول الله عليه وسلم " يا أبي ، إن أقرت القرآن فقيل لي : على حرف أو حرفين ، فقال الملك الذي معى : قل على حرفين ، قلت : على حرفين ، فقيل لي : على حرفين أو ثلاثة ، فقال الملك الذي معى : قل على ثلاثة ، حتى بلغ سبعة أحرف ، ثم قال : ليس منها إلا شاف كاف إن قلت سمِيعاً عليماً عزيزاً حكيمـاً ما لم تَخْتمْ آيةً عذاب برحمة أو آيةً رحمة بعذاب

(Sunan Abi Daud, Tanpa Tarikh, Jilid 2, ms : 76 / Syarh Al-Sunnat, 1983M / 1403H, ms : 510)

Ertinya : Ubay bin Ka'b berkata, Rasulullah s.a.w telah bersabda :" Wahai Ubay, sesungguhnya saya telah dibacakan Al-Qur'an. Maka dikatakan kepada saya satu huruf atau dua huruf. Maka Malaikat yang bersama saya pun berkata: Katakanlah dua

huruf. Saya pun berkata: dua huruf. Maka dikata pula dengan dua atau tiga huruf. Malaikat yang bersama saya berkata lagi. Katakanlah dengan tiga. Maka saya pun berkata dengan tiga, hingga sampai tujuh huruf. Kemudian Malaikat pun berkata tidak ada dari bacaan ini, kecuali tepat dengan segala alasan yang boleh difahami dan lengkap serta jelas. Jika engkau berkata سمیعا علیما عزیزا حکیما (nescaya engkau tidak mengakhiri ayat azab dengan ayat rahmah atau ayat rahmah dengan ayat azab".

v عن أبي بن كعب أيضا قال : لقى رسول الله صلى الله عليه وسلم جبريل عند أحجار المروة قال : فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم لجبريل : إنّي بعثت إلى أمة أميين فيهم الشيخ الفانى والعجز الكبيرة والغلام . قال: فمِنْهُمْ فَلِيقرؤُوا الْقُرْآنَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ

(Al-Fath Al-Rabbaniy Litartib Musnad Al-Imam Ahmad bin Hanbal Al-Syaibaniy, 1374H, Jilid 18, ms : 52)

Ertinya : Dari Ubay bin Ka'b pula, dia berkata : Jibril menemui Rasulullah s.a.w di bukit Marwah, Ubay berkata : Rasulullah s.a.w telah berkata kepada Jibril : Sesungguhnya aku diutus kepada umat yang ummi, pada mereka terdapat orang-orang tua, orang-orang yang lemah dan kanak-kanak. Jibril berkata : Perintahkan mereka agar membaca Al-Qur'an dengan tujuh huruf.

Daripada hadith-hadith tadi, nyatalah bahawa Al-Qur'an ini diturunkan dengan tujuh huruf, dan ini tidak timbul lagi sebarang keraguan di kalangan umat Islam. Daripada hadith-hadith tadi juga dapat difahamkan bahawa Rasulullah s.a.w telah mengharus atau membenarkan berbagai bacaan umat Islam dan tidak mengingkari terhadap bacaan-bacaan tersebut . Apabila Rasulullah s.a.w

mendengar bacaan seorang sahabat itu bertentangan dengan bacaan sahabat yang lain, baginda s.a.w pun berkata : هكذا أنزلت ہے اُنْزَلَتْ یعنی یعنی bagitulah ia diturunkan. Ini dapat disaksikan daripada hadith yang diriwayatkan oleh "Umar bin Al-Khattab satelah beliau mendengar bacaan Hisyam bin Hakim surah Al-Furqān , yang mana bacaan itu berlainan dengan apa yang dipelajari oleh 'Umar daripada Rasulullah s.a.w. Tetapi di dalam hadith tersebut tidak diceritakan tempat-tempat berlaku perbezaan dan juga jenis-jenis perbezaan di dalam bacaan tersebut, yang mana menjadikan para sahabat bertelingkah dan mereka terpaksa pergi merujuk kepada Rasulullah s.a.w untuk menghakimkan tentang pertelingkahan mereka itu. Ini juga tidak dapat sebarang keterangan sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada Rasulullah s.a.w tentang maksud yang dikehendakki oleh tujuh huruf. Adakah ianya berlaku perbezaan bacaan itu disebabkan sebutan yang berlainan atau pun tentang perkara-perkara yang lain. Hanya yang diceritakan di dalam hadith tersebut tentang berlakunya perbezaan bacaan sahaja di antara para sahabat dan Rasulullah s.a.w merestui tentang bacaan tersebut.

3.4.2 : Pendapat-Pendapat Ulamak Mengenai Tujuh Huruf.

Di sini lah timbulnya perselisihan pendapat di antara Ulamak -Ulamak dalam mentafsirkan perkataan tujuh huruf (سبعة أحرف) itu. Sebelum penulis meneruskan perbincangan ini elok kita memahami terlebih dahulu makna perkataan ahruf (أحرف) yang terdapat di dalam hadith di segi bahasa.

Ahruf (أحرف) ialah kata jamak dari perkataan harf (حرف).

Perkatan harf pula mempunyai makna yang banyak; antaranya :-

i) Salah seorang pengarang kamus Bahasa Arab mengatakan bahawa harf pada perkataan nama benda membawa erti dipangkal atau ditepinya, antaranya :

" حرف الجبل " bererti puncak gunung.

" حرف النهر " bererti tepi sungai

(Lois Ma'lup, 1965M, ms : 128)

ii) Harf ialah salah satu bentuk huruf hija'iyyat.

iii) Perkataan harf juga memberi erti " ragu " atau " tepi ". Ini berdalilkan firman Allah dalam surah Al-Haj ayat 11 :

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَعْبُدُ اللَّهَ عَلَىٰ حَرْفٍ

Ertinya : Dan di antara manusia ada orang yang menyembah Allah dengan berada di tepi, iaitu dengan erti yang lain menyembah Allah dengan tidak penuh keyakinan.

(Al-Mu'Jam Al-Wasit, 1973M / 1393H, jld. 1, ms : 167)

Ada pun yang dimaksudkan " أنزل القرآن على سبعة أحرف " ertinya Al-Qur'an itu diturunkan dengan tujuh huruf iaitu tujuh bahasa daripada bahasa bangsa Arab, bukanlah bererti bahawa setiap huruf itu mempunyai tujuh pengertian tetapi ianya bererti tujuh bahasa yang berbeza-beza dalam Al-Qur'an.

Daripada keterangan-keterangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa lafaz " harf " itu memberi banyak pengertian, tetapi yang dikehendakki

hanya satu makna sahaja yang ditentukan oleh alasan-alasan dan disesuaikan dengan situasi atau kedudukan dan keadaan. Dengan demikian yang dimaksudkan dengan perkataan " harf " ialah " wajah " (segi / cara) dengan alasan sabda Rasulullah s.a.w " أَنْزَلَ الْقُرْآنَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ " (Al-Fath Al-Rabbaniy Litartib Musnad Ahmad bin Hanbal Al-Syaibaniy, 1374H, Jilid 18, ms : 52 - 53) ertinya : Al-Qur'an itu diturunkan dengan tujuh huruf.

Perkataan " على " yang terdapat di dalam hadith tersebut memberi makna keluasan atau kemudahan, yang bermaksud Al-Qur'an itu diturunkan untuk memberi kelonggaran, kemudahan dan keluasan kepada qurrā' membaca mana-mana wajah yang dikehendakki hingga sampai tujuh wajah (bacaan) yang diharuskan.

Mengikut pendapat Dr. Mohd. Salim Muhsayen di dalam bukunya " Al-Qirā'at wa Atharuhā Fi 'Ulūm Al-'Arabiyyat - وآثَرُهَا فِي عِلْمِ الْأَرَبِيَّةِ " m.s 19 yang boleh membantu kita untuk memahami maksud " tujuh huruf " secara ringkas katanya : Sesungguhnya Ulamak dahulu dan sekarang telah bersepakat bahawa tidak harus (wajar) diertikan tujuh huruf itu sebagai bacaan para qurrā' yang masyhur (qurra' yang tujuh) seperti yang disangkakan oleh orang yang tidak ada hubungan dengan 'ulūm Al-Qur'an. Ini kerana semasa wahyu itu diturunkan para qurrā' tujuh tidak berada di situ.

Makki bin Abi Talib (مكى بن أبي طالب), beliau meninggal dunia pada tahun 437 H berkata : Ada pun sesiapa yang menyangka bahawa tiap-tiap bacaan para qurrā' tadi seperti Nafi' (نافع), 'Asim (عاصم) dan Abi 'Amru bin Al-'Alā (أبى عمرو بن العلاء) salah satu

daripada tujuh huruf yang Rasulullah s.a.w naskan , maka itu adalah satu kesalahan besar sebab jika ada sesuatu yang tidak dibaca oleh para qurrā' tujuh tentu ia ditinggalkan .

(Muhammad Salim Muhaysan (Dr), 1984/1404H, jld. 1, ms : 20)

Di sini eloklah dibentangkan pendapat-pendapat Ulamak yang menerangkan tentang maksud tujuh huruf itu, antaranya ialah :

Pertama :

Imam 'Ali bin Abi Talib r.a (meninggal pada tahun 40 H) dan Abdullah bin 'Abbas r.a (meninggal pada tahun 68 H) telah berkata : Al-Qur'an itu diturunkan dengan bahasa setiap " hayy " (kampung) daripada perkampungan-perkampungan Arab. Ibn 'Abbas berkata lagi : Sesungguhnya Nabi s.a.w telah membaca kepada manusia dengan satu bahasa, dengan itu menjadi susah kepada mereka, maka datang Jibril serta berkata :" Wahai Muhammad, bacakanlah pada setiap kaum dengan bahasa mereka."

Kedua.

(محمد بن السائب الكلبي) Pendapat Muhammad bin Al-Saib Al-Kalbi yang meninggal dunia pada tahun 136 H, dan Al-'Amasy (الأعمش) yang meninggal dunia pada tahun 147 H dari Ibn 'Abbas berkata : Al-Qur'an diturunkan dalam tujuh huruf, lima daripadanya dalam bahasa Al-'Ajz (العجز) dan dua daripada Hawazin (هوازن).

Ketiga.

Kata Abu 'Ubaid Al-Qasim bin Salām (أبو عبيد القاسم بن سلام) yang meninggal dunia pada tahun 224 H ; " Maksud tujuh huruf ialah tujuh bahasa daripada bahasa-bahasa Arab, dan bukanlah bermaksud satu huruf itu mempunyai tujuh wajah. Bahasa-bahasa tersebut terdapat di merata tempat dalam Al-Qur'an, satengahnya diturunkan dalam Bahasa Huzayl, satengahnya diturunkan dalam Bahasa Yaman dan begitu juga bahasa-bahasa yang lain, yakni bahasa-bahasa yang paling fasih (standard) di kalangan bahasa-bahasa Arab.

Keempat.

Abu Al-Abbās Ahmad bin Wāsil (أبو العباس أحمد بن واصل) yang meninggal dunia pada awal kurun ke 4 H berkata : Yang dimaksudkan dengan tujuh huruf ialah tujuh makna dalam bacaan iaitu :

- i) Terdapat huruf yang maknanya hanya satu tetapi berbeza daripada segi bacaan mengenai noktah (titik), contohnya perkataan "يعلمون" (يعلمون) iaitu dua noktah di bawah (huruf ya') dan perkataan "تعلمون" (تعلمون) iaitu dua noktah diatas (huruf ta').
- ii) Dua lafaz atau perkataan yang berlainan tetapi maknanya sama, contohnya Firman Allah "بِأَيْمَانِ الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِنِهِ " (Al-Juma'at - 9) dan dibaca juga dengan "فَامضُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ".

Bacaan pertama "فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ" bererti wajib bersegera pergi bersolat Jumá'at apabila mendengar azan Jumá'at.

Bacaan kedua "فَامضُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ" tidak menunjukkan makna bersegera kerana perkataan "فَامضُوا" ini hanya memberi erti pergi.

(Al-Zarqaniy, Muhammad Abd Al-'Azim, Tanpa Tarikh, Jilid 1, ms 148)

iii) Dua qirā'at (bacaan) berlainan pada lafaz tetapi sama pada yang disifatkan, seperti "مَالِكٌ" dan "مَلِكٌ" dalam surah Al-Fatiha ayat :3.

iv) Satu perkataan dua sebutan, maknanya sama dan ejaannya pun sama, seperti Firman Allah :

"وَان يَرُوا سَبِيلَ الرُّشْدِ لَا يَتَخَذُوهُ سَبِيلًا" (Al-Araf : 146).

Perkataan "الرُّشْدِ" dalam surah tersebut dibaca dengan dua wajah iaitu "الرَّشْدُ" dan "الرَّشْدُ". Perkataan pertama huruf "syin" dibaca dengan tanda "fathah" dan perkataan kedua pula dibaca dengan tanda "sukun".

v) Lafaz perkataan yang berhamzah (ء) atau tidak berhamzah seperti perkataan "النَّبِيُّ" dan perkataan "النَّبِيِّ". Perkataan "النَّبِيُّ" iaitu ada hamzah adalah qirā'at Nafi' dan perkataan "النَّبِيِّ" tanpa hamzah adalah qirā'at qurra' yang lain.

vi) Memberat iaitu meletakkan tanda dammah pada huruf kaf (ك) atau meringankan iaitu meletakkan tanda sukun pada huruf kaf (ك), Contohnya Firman Allah "وَنَفْضُلُ بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ فِي الْأَكْلِ".

(Al-Ra'd : 4) Perkatan "الأَكْلُ", bacaan secara berat "الأَكْلُ" dan bacaan secara ringan "الأَكْلُ".

vii) Dibuang atau dikekalkan, contohnya Allah berfirman : " واستمِعْ يوْمَ يَنَادِ الْمَنَادِ مِنْ مَكَانٍ قَرِيبٍ " (Qaf : 41). Perkataan "الْمَنَادِ" dibuangkan huruf "ya'", dibaca "الْمَنَادِ" dan dikekalkan huruf "ya'", dibaca "الْمَنَادِي".

Kelima.

Al-Qāsim bin Thābit (القاسم بن ثابت) yang meninggal dunia pada tahun 302 H, berkata : Sekiranya seorang lelaki membuat satu contoh dengan tujuan menjadikannya dalil kepada sabda Rasulullah s.a.w Al-Qur'ān itu diturunkan dengan tujuh huruf dan dia menjadikan tujuh huruf tadi tujuh peringkat lalu berkata : antaranya untuk Quraysy, Kinānah, Asad, Huzayl, Tamim, Dabbat dan Qays, tentunya ia meletakkan qabilah Muḍar pada tujuh mertabat yang meliputi bahasa-bahasa di mana Al-Qur'ān diturunkan.

Keenam.

Abu Muhammmad Al-Baghawiy (أبو محمد البغوي) yang meninggal dunia pada tahun 510 H, berkata yang dimaksudkan dengan tujuh huruf ini ialah setiap kaum akan membaca Al-Qur'ān mengikut bahasa masing-masing di mana terdapat idgham, izhār, imālat, tafkhīm, isymam, Hamzah, talyin dan sebagainya mengikut tujuh huruf pada satu lafaz atau perkataan.

Ketujuh.

Abu Fadl Al-Rāzī (أبو الفضل الرازى) yang meninggal dunia pada tahun 606 H, berkata percakapan dalam perselisihan atau perbezaan ini tidak terkeluar dari tujuh huruf tadi :

- i) Perbezaan katanama daripada segi mufrad (singular), muthanna(dual) dan kata jamak (plural), seperti firman Allah :

وَالَّذِي لِأَمَانَتْهُمْ وَعَاهَدُوهُمْ رَاعُونَ (Al-Mu'minun : 8)

Perkataan "لِأَمَانَتْهُمْ" dibaca dengan kata jamak iaitu "لِأَمَانَاتِهِمْ" dan ia juga boleh dibaca dengan kata mufrad iaitu "لِأَمَانَتْهُ". Bagitu juga dari segi katanama mudhakkár (masculine) dan mu'annath (feminine).

- ii) Perbezaan daripada segi bentuk pada katakerja kala lampau "ال فعل المضارع" bertukar kepada katakerja kala kini "ال فعل الماضي" dan katakerja suruh "فعل الأمر". Contohnya firman Allah :

رَبُّنَا بَاعِدُ بَيْنَ أَسْفَارِنَا (Saba' : 19)

Perkataan "رب" dibaca dengan tanda "fathah" sebagai seruan, dan perkatan "بَاعِدٌ" sebagai kata suruh atau perintah. Ayat ini dibaca juga "ربنا بعد", perkataan "رب" dibaca dengan tanda daminah sebagai subjek atau ayat pokok (مبتدأ) dan perkataan "بعد" kata kala lampau dan tanda shaddah (ـ) diatas huruf "ayn" sebagai pradikat atau cerita (khabar).

Al-Zarqāniy, Muhammad 'Abd Al-'Azīm , Tanpa Tarikh, jld. 1, ms :156)

- iii) Perbezaan dari segi al-'irab (الإعراب).
- Contohnya firman Allah " وَلَا يَضَارُ كَاتِبٍ وَلَا شَهِيدٍ ". Perkataan " يَضَارُ " dibaca " ra' " dengan tanda " fathah ", ini menunjukkan huruf " لَا " bermakna " jangan - ناهية - " , perkataan katakerja ini dibaca dengan majzum (مجزوم) dan tanda " fathah " di atas huruf " ra' " itu ialah " fathah idgham al-mithlain " (فتحة إدغام المثلثين).
- Jika huruf " ra' " dibaca dengan tanda dammah " يَضَارُ " ini bererti huruf " لَا " sebelumnya itu ia membawa makna " tidak - نافية - ".
- (Al-Zarqāniy, Muhammad 'Abd Al-'Azīm , Tanpa Tarikh, jld. 1, ms 156)
- iv) Perbezaan daripada segi kurang perkataan atau lebih.
- Contohnya firman Allah " وَمَا عَمِلْتُ أَيْدِيهِمْ " (Yāsin : 35) dan dibaca juga ayat tersebut : " وَمَا عَمِلْتَهُ أَيْدِيهِمْ " . Iaitu ditambah " هُوَ " pada perkataan " عَمِلْتَ " .
- Contoh kedua** firman Allah
- " اَنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ " (Luqmān : 26) dan dibaca juga ayat tersebut " اَنَّ اللَّهَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ " dalam bacaan ini. (Abdul Hadi Al-Fadliy (Dr), 1980M, ms : 90)
- v) Perbezaan daripada segi taqdim (mendahuluikan) dan ta'khir (membatkan). Contohnya firman
- " وَجَاءَتْ سَكْرَةُ الْمَوْتِ بِالْحَقِّ " (Qaf : 19)
- Dan ayat ini juga dibaca dengan " وَجَاءَتْ سَكْرَةُ الْمَوْتِ بِالْحَقِّ ". Ayat pertama perkatan " الحق " di ta'khirkan
- Ayat kedua pula perkatan " الحق " ditaqdimkan dan perkataan " الموت " ditakhirkan. (Abdul Hadi Al-Fadliy (Dr), 1980M, ms : 90)

vi) Perbezaan daripada segi bahasa (sebutan) iaitu dimaksudkan dengan dialek-dialek seperti fathat, imālat, tarqīq, tafkhīm, idghām, dan iħħar.

vii) Perbezaan ibdal (ابدال - Pengganti).

a) Ibdal huruf dengan huruf.

Contohnya Firman Allah " وَانظُرْ إِلَى الْعَظَمَ كِيفَ تُنْشِرُ هَا " (Al-Baqaraت: 259) perkataan " نُنْشِرُ هَا " dibaca dengan tanda "dammah" huruf " nun " , dan boleh dibaca juga dengan tanda " fathat" huruf " nun " iaitu " نُنْشِرُ هَا ". Huruf " zay " pada perkataan " نُنْشِرُ هَا " digantikan dengan huruf " ra' " menjadi " نُنْشِرُ هَا ". Dan bagitu juga ayat (Al-Waqi'uت: 29) iaitu huruf " ha' " diganti dengan huruf " ayn " menjadi " وَطَلَحَ مَنْضُودٌ " وَطَلَحَ مَنْضُودٌ ".

b) Ibdal lafaz dengan lafaz

Adapun ibdal lafaz dengan lafaz seperti firman " كَالْعَهْنَ الْمَنْفُوشَ " , (Al-Qāri'uت: 5) Ibn Mas'ud membaca ayat ini " كَالصَّوْفَ الْمَنْفُوشَ " ibn Muhammad 'Ali Al-Sabūniy, 1981M / 1401H, ms : 216) iaitu diganti " كالصوف " dengan " كالعهن " .

Kelapan.

(أبو الحسن السخاوي) yang meninggal pada tahun 643 H berpendapat tentang tujuh huruf ini bahawa terletak di tempat-tempat tertentu di dalam Al-Qur'an, dan

Jumlah kesemuanya tujuh cara sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w Al-Qur'an di turunkan dengan tujuh dalam bacaan anda iaitu :

i) Dua kalimah di mana yang pertama dibaca ditempat yang kedua seperti "يُسِيرُكُمْ" dan "يُنْشِرُكُمْ" (Yunus : 22).

Ibn 'Amir dan Abu Ja'far membaca "يُنْشِرُكُمْ" iaitu huruf "ya" diletak tanda "fathah", huruf "nun" bertanda "sukun" dan huruf "syin" bertandakan "dammah" iaitu bererti "menaburkan".

Para qurrā' yang lain membaca "يُنْشِرُكُمْ" dengan perkataan "يُسِيرُكُمْ" iaitu huruf "ya" diletakkan tanda "dammah", huruf "sin" bertanda "fathah" dan huruf "ya" selepas huruf "sin" bertanda "kasrah" dan "shaddah", yang bererti "berjalan".

ii) Ditambah kalimah. Contohnya firman Allah

فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ (Al-Hadid : 24)

Nafi', Ibn 'Amir dan Abu Ja'far membaca dengan membuang lafadz "فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ". Perkataan "الْغَنِيُّ" sebagai perikat (خبر) kepada lafadz "إِنْ".

Para qurrā' yang lain pula membaca dengan tidak dibuang lafadz "هو" sebagai gantinama yang ketiga bagi maskulin (masculine) yang tidak bersambung dengan perkataan.

iii) Ditambah huruf seperti firman

"وَأَعْدَ لَهُمْ جَنَّتٍ تَجْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا" (Taubat : 100)

Ibn Kathīr membaca ayat tersebut dengan menambah perkataan " من " sebelum perkataan " تحتها " mengikut tulisan mushaf Makkah,

jadi bacaannya adalah seperti ini :

وأَعْدَ لَهُمْ جَنَّتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبْدًا

Para qurra' lain pula membaca ayat tersebut dengan membuang perkataan " من ", ini mengikut tulisan mushaf- mushafa yang lain.

- vi) Dibawa satu huruf ketempat huruf yang lain seperti firman Allah
ونَقُولُ ذُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ . (Al-'Imrān : 181)

Hamzah membaca ayat tersebut dengan bacaan

ويقول ذوقوا عذاب الحريق iaitu menukar huruf " nun " gantinama pertama yang bermakna " kami " kepada " ya " gantinama kedua yang bermakna " dia " bagi maskulin .

Para qurra' yang lain membaca " ونقول "

- v) Perubahan tanda baris.

Contohnya firman Allah

فَلَقِيَ آدَمَ مِنْ رَبِّهِ كَلْمَاتٍ (Al-Baqara : 37)

Ibn Kathīr membaca ayat tersebut " فَلَقِيَ آدَمَ مِنْ رَبِّهِ كَلْمَاتٍ "

dengan meletakkan tanda " fathah " atas huruf " mim " pada kalimah " كَلْمَاتٌ " dan tanda " dammah " atas huruf " ta " pada kalimah " كَلْمَاتٌ " .

فَتَلَقَى آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلْمَاتٍ " para qurra' yang lain membaca ayat ini "

atau dengan meletakkan tanda "dammah" atas huruf "mim" pada perkatan "آدَمُ" dan tanda "kasrah" atas huruf "ta'" pada perkataan

كَلْمَاتٍ "

vii) Tekanan suara (شدید) atau meringankannya (خفیف)

Contohnya firman Allah

وَهُنَّ إِلَيْكُم بِجُذُعِ النَّخْلَةِ تَساقطُ عَلَيْكُمْ رُطْبًا جَبَّ (Maryam : 25)

Hafs membaca perkatan "تساقط" di dalam ayat tersebut dengan

meletakkan tanda "dammah" atas huruf "ta'", tanda "fathah" atas huruf "sin" dan tanda "kasrah" atas huruf "qaf" iaitu "تساقط"

(dak menekan suara)

Ada pula para qurra' yang lain pula membaca perkataan tersebut dengan menekankan suara iaitu dengan meletakkan tanda "fathah" atas huruf "ta'", tanda "shaddah" atas huruf "sin" dan tanda "fathah" atas huruf "qaf" iaitu "تساقط".

viii) Taqdim dan Ta'khir

Contohnya Firman Allah s.w.t

وَقَاتَلُوا وَقُتُلُوا لَا كُفَّارٌ مِّنْهُمْ سَيِّئَاتٌ (Ali 'Imrān : 195)

Hamzah, Al-Kasai dan Khalaf membaca dua perkataan

وَقَاتَلُوا وَقُتُلُوا " seperti mana yang tertulis didalam ayat itu.

Tetapi para qurra' yang lain membaca dengan bacaan "وقاتلوا وقتلوا" iaitu mentaqdimkan perkataan "وقاتلوا" daripada perkataan "وقاتلوا"

Kesembilan.

Ibn Al-Jazari (ابن الجزری) menyebut : aku masih kurang pasti dengan hadith ini, lalu aku terus berfikir dan meneliti selama lebih 30 tahun. Akhirnya Allah s.w.t telah mengilham serta membukakan pemikiranku sesuatu yang Insya Allah menjadi kenyataan (kebenaran). Satelah aku meneliti qira'at sahih (صحيح), qira'at shadh (شاذ), qira'at da'if (ضعيف) dan qira'at munkar (منكر), pokok perselisihan atau perbezaannya tidak terkeluar daripada tujuh wajah yang berbeza antaranya ialah : -

- i) Berlaku perbezaan pada tanda baris tanpa mengubah makna dan rupa bentuk perkataan . Contohnya perkataan "يحسب".

Boleh dibaca dengan tanda "fathah" atas huruf "sin" iaitu "يَحْسُب".

ia juga boleh dibaca dengan tanda "kasrah" pada huruf "sin" iaitu "يَحْسِب".

- ii) Berlaku perubahan pada makna sahaja tidak pada rupa seperti firman Allah "فَلَقِي آدَمَ مِنْ رَبِّهِ كَلْمَاتٍ" (Al-Baqarat : 37) Huruf "mim" diletakkan tanda "dammah" pada perkataan "آدَمَ" dan huruf "ta" diletakkan tanda "kasrah" sebagai mansub (accusitive) atau sebaliknya.

(Hal ini telah pun diterangkan di dalam bahagian kelapan).

- iii) Berlaku perubahan pada huruf , perubahan pada makna dan tidak pada rupa

(Contohnya firman Allah "هُنَّا كُلُّ نَفْسٍ مَا أَسْلَفْتُ " Yunus : 30)

Hamzah, Al-Kasal dan Khalaf menukarkan huruf " ba' " pada perkataan " تَبْلُوا " kepada huruf " ta' " menjadi " تَتَلَوَ " membéri erti " baca ".

Para **qurra'** lain membaca perkataan tersebut dengan bacaan " تَبْلُوا " yang bermakna " uji. "

- iv) Berlaku perubahan pada huruf, perubahan pada rupa dan tidak pada makna.

Contohnya Allah berfirman " إِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ". (Al-Fatihah : 6)

Qunbul (قبل) dan Ruways (رویس) menukarkan huruf "sad" dengan huruf " sin " pada perkataan " الصِّرَاطَ " menjadi " السَّرَاطَ ".
Para **qurra'** yang lain membaca dengan huruf "sad" iaitu " الصِّرَاطَ "

Ini adalah Bahasa Quraysy.

- v) Berlaku perubahan pada bentuk dan makna, seperti Firman Allah " فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ " , tetapi ianya juga dibaca dengan bacaan " فَامضُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ " . Perkataan " فَاسْعُوا " memberi makna

• bersegeralah pergi bersolat Juma'at " dan perkataan " فامضوا " قامضوا " pulak bererti " pergilah bersolat Juma'at ". Perkataan ini tidak menunjukkan makna "bersegera " hanya memerintahkan umat Islam pergi bersolat, samada cepat atau lambat itu mengikut diri masing-masing.

vi) Berubah pada huruf dan bentuk tetapi maknanya sama seperti firman Allah " . وَلَا يَأْتِي أُولُو الْفَضْلِ " (Al-Nur : 22)

Abu Ja'far membaca perkataan " يَأْتِي " dengan menyebut " يَتَّلَ ".

Para qurrā' yang lain membaca perkataan itu dengan sebutan " يَأْتِي ".

Kedua-dua perkataan itu memberi makna " sumpah ".

vii) Taqdim dan Ta'akhir.

Contohnya firman Allah

(Ali 'Imran : 195) وَقَاتَلُوا وَقَتَلُوا لِأَكْفَارِنَ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ ؟

(Hal ini telah pun diterangkan di dalam bab kelapan).

viii) Belaku penambahan dan pengurangan.

Contohnya firman Allah

(Al-Baqarat : 132) وَوَصَّى بِهَا إِبْرَاهِيمَ بْنَهُ وَيَعْقُوبَ

" وَوَصَّى " itu Nafi', Ibn 'Amir dan Abu Ja'far menyebut perkataan " وَوَصَّى " . Ia jadi dengan menambahkan " hamzah " dan menjadikannya " وَأَوْصَى " . iaitu dengan menambahkan tanda " fathah " atas alef takken di antara dua " waw " serta meletakkan tanda " fathah " atas suruf " sad ", bacaan ini bertepatan dengan tulisan mushaf Al-Madani dan mushaf Al-Syami.

Para qurra' lain membaca perkataan tersebut dengan membuangkan hamzah serta meletakkan tanda shaddah di atas huruf " sad " iaitu وَحْشٍ bacaan ini mengikut mushaf ahli 'Iraq.

Kesepuluh.

Ada yang mentafsirkan bahawa yang dikehendakki dengan tujuh huruf itu ialah tujuh bahagian di dalam Al-Qur'an, tetapi mereka tidak dapat hendak menjelaskan tentang bahagian tersebut dengan terperinci. Mereka mengatakan tujuh bahagian itu di antaranya ialah : -

- i) 'Amr (أمر), nahy (نهى), halal (حلال), harām (حرام), muhkam (مُحکم) dan Amthal (امثال).
- ii) Wa'd (وعد), wa'id (وعد), Halal (حلال), Haram (حرام), Mawā'iz (مواعيظ) dan Ihtijāj (احتجاج).
- iii) Muhkam (مُحکم), Mutasyābih (متشابه), Nāsikh (ناسخ), Mansūkh (منسوخ), Umūm (عموم), Khusūs (خصوص) dan Qaṣaṣ (قصص).
- iv) Al-Muṭlaq (المطلق), Al-'Ām (العام), Al-Miqid (المقيد) dan Al-Muqayyad (المقيد) dan Al-Muṭlaq (المطلق).
- v) Al-khāṣ (المؤول), Al-Nas (النص), Al-Nasikh (الناسخ), Al-Mujmal (المجمل), Al-Mansūkh (المنسوخ), Al-Mufassar (المفسر) dan Al-Istihna' (الاستثناء).

(Subhi Al-Soleh (Dr), 1964M, ms : 106)

- v) Al-Hadhf (الحذف), Al-ṣilat (الصلة), Al-Ta'khir (التقييم), Al-Taqdīm (التقديم), Al-Tikrār (التكرار), Al-Kināyat (الكنية), Al-isti'ārat (الإستعارة), Al-tā'ir (التأثير), Al-Haqīqat (الحقيقة), Al-Majāz (المجاز), Al-Mujmal (المجمل) dan Al-Gharīb (الغريب).
- vi) Al-Zāhir (الظاهر), Al-Mufassar (المفسر)

(Al-Sayutiyy, Jalal Al-Din Abd Al-Rahman , 1967M / 1387H, Jilid 1,
ms : 137 - 138)

Kesebelas.

Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa tujuh huruf itu ialah tujuh wajah perkataan dengan lafaz yang berlainan tetapi maknanya sama , seperti aqbil (اقبل), halumma (هلم), Ta'al (تعال), 'Ajjil (امهل), Asri (أسرع), unzur (أنظر), Akkhir (آخر) , amhil (امهل) dan nahwu (نحو). (Al-Zarkasyiy, Badruddin Muhammad bin Abdullah, 1972M / 1391H, Jilid 1, ms : 220)

Setelah penulis meneliti tentang pendapat-pendapat tersebut , maka didapati bahawa pendapat pertama, kedua, ketiga, kelima dan keenam ini adalah pendapat-pendapat yang munasabah dan boleh diterima oleh akal kerana pendapat-pendapat tersebut datang dalam bentuk atau lingkungan umum yang menyebabkan qira'at itu diturunkan. Tujuan asas qira'at ini diturunkan ialah untuk memberi kemudahan dan kelonggaran kepada umat Muhammad s.a.w yang terdiri daripada berbagai bangsa dan dialek.-dialek.

Untuk menguatkan pendapat penulis tadi eloklah kita rujuk kepada hadith yang telah diriwayatkan oleh 'Umar bin Al-Khattab di dalam bab ini m.s 107.

Peristiwa saperti ini juga berlaku kepada Ubay bin Ka'b. Imam Muslim meriwayatkan dengan sanadnya dari Ubay bin Ka'b katanya :

"كنت سمعت في المسجد فدخل رجل يصلي، فقرأ قراءة أنكرتها عليه. ثم دخل آخر، فقرأ قراءة سوى قراءة صاحبه، فلما قضينا الصلاة دخلنا جميعاً على رسول الله صلى الله عليه وسلم، فقلت: إن هذا قرأ قراءة أنكرتها عليه، ودخل آخر فقرأ سوى قراءة صاحبه فأمرهما رسول الله صلى الله عليه وسلم فقرأ. فحسن النبي صلى الله عليه وسلم شأنهما، فسقط في نفسي من التكذيب ولا إذ كنت في الجاهلية. فلما رأى رسول الله صلى الله عليه وسلم ما قد غشيني ضرب في صدرى، ففضت عرقاً، وكأنما أنظر إلى الله عز وجل فرقاً فقال لي: يا أبى، ارسل إلى أن أقرأ القرآن على حرف فرددت إليه: أن هون على أمتى، فرد إلى الثانية: إقرأه على حرفين، فرددت إليه: أن هون على أمتى، فرد إلى الثالثة: إقرأه على سبعة أحرف، ولڪ بكل ردة ردتها مسألة تسألنيها فقلت: اللهم اغفر لأمتى اللهم اغفر لأمتى وأخرت الثالثة ليوم يرغب إلى الخلق، كلهم حتى إبراهيم صلى الله عليه وسلم. قال القرطبي: "فكان هذا الخاطر يشير إلى ما سقط في نفس أبى من قبيل ما قال فيه النبي صلى الله عليه وسلم حين سأله: أنا نجد في أنفسنا ما يتعاظم أحننا أن يتكلم به. قال: أو قد وجدتموه؟ قالوا: نعم، قال: ذلك صريح الإيمان".

(Sahih Muslim Bisyarh Al-Nawawiy, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms : 101-103
 / Syarh Al-Sunnat, 1983M / 1403 H, Jilid 4, ms : 504)

Ertinya : Aku berada di masjid tiba-tiba masuklah seorang lelaki, ia bersolat dan membaca bacaan yang aku ingkari. Kemudian masuk lagi lelaki lain membaca dengan bacaan yang berbeza dengan orang yang pertama. Setelah kami selesai solat, kami bersama-sama masuk ke rumah Rasulullah s.a.w lalu aku bercerita : bahawa lelaki ini membaca bacaan yang aku ingkari dan lelaki ini membaca dengan bacaan yang berbeza dengan lelaki yang pertama. Akhirnya Rasulullah s.a.w memerintahkan kedua-duanya membaca. Setelah mereka membaca Rasulullah s.a.w menganggap baik bacaannya. Setelah menyaksikan

hal itu, terhapuslah dalam diriku sikap untuk mendustakan tidaklah diriku ini seperti di zaman jahiliyyah. Apabila Rasulullah s.a.w melihat saya berkeadaan demikian, lalu Baginda s.a.w menepuk dada saya, maka terpancarlah peluh di badan saya. Ketika itu keadaan kami seolah-olah berkelompok di hadapan Allah yang Maha Agong. Setelah melihat saya berkeadaan demikian, Maka Baginda s.a.w menegaskan pada diriku dan berkata: Hai Ubay! Aku diutuskan agar membaca Al-Qur'an dengan satu huruf, kemudian aku meminta pada Jibril untuk memudahkan umatku, lalu dia datang lagi kepadaku kali yang kedua dengan katanya : bacakanlah dengan dua huruf. Aku pun meminta lagi kepadanya untuk memudahkan umatku. Lalu dia datang lagi kepadaku kali yang ketiga dengan katanya : Bacakanlah ia dengan tujuh huruf dan inilah permohonan bagimu yang engkau selalu mintakan setiap kali aku datang bertemu dengan engkau. Kemudian aku pun berkata : Wahai Allah, ampunilah umatku, dan aku akhirkan yang ketiga untuk hari di mana seluruh makhluk mencintaiku sehingga Nabi Ibrahim a.s.

Imam Al-Quttubi berkata: Sesungguhnya perasaan yang terlintas dalam hati Ubay adalah termasuk apa yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w ketika mereka bertanya kepada Baginda : Bahwasanya kami mendapatkan sesuatu dalam diri kami, di mana seseorang merasa berat sekali untuk mengatakannya. Rasulullah s.a.w bertanya: Apakah kamu sekalian sudah menemui jawapan? Mereka menjawab : " ya ", Rasulullah s.a.w bersabda: Itu adalah iman yang jelas.

Kedua-dua hadith yang tersebut tadi adalah hadith yang sahih. Nyatalah di sini bahawa pertelingkahan atau perbalahan tentang bacaan Al-Qur'an dengan beberapa huruf yang berlaku di antara para sahabat di Madinah terpaksalah dihakimkan oleh Rasulullah s.a.w. Ini

disebabkan sahabat yang mengingkari akan bacaan sahabat yang lain itu tidak mendengarnya daripada Rasulullah s.a.w sepetimana sahabat lain mendengar. Ubay bin Ka'b dan 'Umar bin Al-Khattab yang telah meriwayatkan hadith tersebut merupakan orang yang pertama sekali mengingkari dan mereka berdua juga menjadi sebagai saksi di atas berlakunya perubahan bacaan ini.

Dengan ini penulis bertambah yakin lagi dengan pendapat-pendapat orang yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan huruf-huruf itu ialah dialek dan cara .

Peristiwa yang terdapat di dalam hadith di antara 'Umar bin Al-Khattab dengan Hisyam bin Hakim bin Hizam boleh menimbulkan pertanyaan. Adakah dialek percakapan 'Umar berlainan dengan dialek Hisyam sehingga bacaan mereka berdua berlainan di antara satu sama lain. Sedangkan Hisyam dan 'Umar ini adalah dari bangsa yang sama iaitu Bangsa Quraysy, dan keduanya pula tentulah bercakap Bahasa Quraysy. Tetapi bagaimanakah pula boleh berlaku perbezaan bacaan mereka berdua? Di sini nyatalah bahawa timbulnya perbezaan bacaan Al-Qur'an (Al-Qirā'at Al-Qurāniyyat) ini adalah berpunca daripada perbezaan dialek-dialek yang menjadi permasaalahan dan kesusahan kepada sesuatu qabilah apabila hendak menyebut dialek qabilah yang lain.

Menurut pendapat Ibn Hajar Al-'Asqalani dalam kitabnya "Fath Al-bāriy ", katanya : Adalah menjadi hak kepada 'Umar untuk menegur Hisyam disebabkan kekuatan iman yang terdapat di dalam jiwanya dan juga dia terlebih dahulu memeluk ugama Islam sedangkan Hisyam ketika itu baru sahaja memeluk ugama Islam. Justeru itu 'Umar

bimbang kalau-kalau Hisyam tersalah membaca ayat tersebut. Ada pun sebab berlakunya perbezaan bacaan di antara mereka berdua ini kerana 'Umar telah lama menghafaz surah Al-Furqān daripada Rasulullah s.a.w, selepas itu dia tidak pernah mendengar lagi tentang penurunan ayat tersebut yang berlainan bacaannya. Hisyam memeluk agama Islam selepas pembukaan Mekah dan Rasulullah s.a.w telah membaca kepadanya apa yang paling akhir turun. Inilah faktor perselisihan mereka yang menyebabkan 'Umar mengingkari bacaan Hisyam kerana 'Umar tidak mendengar hadith Rasulullah s.a.w yang bersabda : "أَنْزَلَ الْقُرْآنَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ". (Al-Fath Al-Rabbaniy Litartib Musnad Al-Imam Ahmad bin Hanbal, 1374H, Jilid 18, ms : 52-53) **Ertinya** : Al-Qur'an itu diturunkan dengan tujuh huruf, setelah berlakunya peristiwa ini barulah dia mendengar hadith tersebut.
(Abd Al-Mun'im Al-Namr (Dr), 1983M/1403H, ms : 146)

Daripada keterangan Ibn Hajar tadi ternyata bahawa sesungguhnya kelonggaran membaca Al-Qur'an dengan berbagai huruf ini berlaku dalam masa yang singkat sahaja. Sekiranya perkara ini sudah lama berlaku tentulah 'Umar mengetahuinya kerana 'Umar sentiasa berada di samping Rasulullah s.a.w. Memang tepat jika dikatakan peristiwa ini berlaku selepas pembukaan Mekah dan tidak boleh berlaku sebelum ini kerana Hisyam memeluk agama Islam semasa pembukaan Mekah.

Yang menjadi persoalan di sini ialah adakah Rasulullah s.a.w membaca kepada Hisyam dengan menggunakan dialek yang lain iaitu bukan dialek Quraysy? Bagaimana pula Hisyam dapat menghafaz bacaan ini sedangkan dia bangsa Quraysy. Jawapannya ialah orang-

orang Quraysy terkenal dengan kesibukan berdagang yang menyebabkan mereka banyak bergaul dengan bangsa-bangsa lain. Di samping itu tempat tinggal mereka yang begitu strategik di sekitar Baitullah Al-Haram (ka'bah). Mereka selalu melakukan pengabdian dan pertolongan kepada para tetamu yang datang melakukan ibadah haji di situ. Hasil daripada pergaulan inilah orang-orang Quraysy mengambil sebahagian daripada dialek-dialek dan kata-kata indah yang mereka kagumi daripada para pendatang digunakan di dalam percakapan mereka sehari-hari. Dengan ini tidak menjadi kesusahan kepada mereka untuk bertutur dialek-dialek qabilah yang lain, sebaliknya qabilah yang tinggal di tengah padang pasir tidak mampu bertutur dialek Quraysy dan juga dialek-dialek qabilah yang lain daripada mereka.

Inilah perkara yang berlaku kepada Hisyam. Beliau telah mendengar Rasulullah s.a.w membaca kepadanya dengan dialek yang lain, tetapi perkara ini tidak menjadi susah kepadanya untuk menyebut dan menghafaznya walaupun di dalam dialek yang lain kerana sudah menjadi kebiasaan kepadanya menyebut perkataan-perkataan lain. Apa yang didengar dan dihafaz oleh Hisyam tentulah tidak sama dengan apa yang didengar dan dihafaz oleh 'Umar sebelum ini. Surah Al-Furqān turun di Mekah, Hisyam menegaskan sendiri katanya : "أَفَرَأَيْتَهَا رَسُولُ اللَّهِ". Ertinya :" Rasulullah yang membacakannya kepada ku". Beliau sendiri mendengar daripada Rasulullah s.a.w dan bukan ciptaannya, sebab Al-Qirā'āt dan huruf-huruf ini datang daripada Allah s.w.t dan manusia tidak ada campur tangan dalam urusan ini.

Setelah dibentangkan dalil-dalil yang sahih tadi maka bertambah yakinlah bahawa Al-Qur'an ini diturunkan dengan tujuh huruf, dan huruf-huruf ini terdapat di dalam Al-Qira'at yang dinukilkhan kepada kita dengan jalan yang sahih dan tidak ada sebarang pertambahan dan pengurangan. Tentulah terdapat beberapa sebab atau faedah di mana Allah s.w.t telah mengharuskan umat Nabi Muhammad s.a.w. membaca Al-Qur'an di dalam berbagai qira'at.

Barangsiapa yang Allah s.w.t kurniakan kepadanya pandangan yang luas untuk memahami hadith-hadith yang tersebut dahulu, dan dia mengetahui kedudukan umat Arab yang terdiri daripada berbagai qabilah dan juga dialek-dialek, tentulah tidak ragu-ragu lagi bahawa dia dapat membuat beberapa kesimpulan yang menyebabkan Rasulullah s.a.w memohon kepada Allah s.w.t agar Al-Qur'an ini diturunkan lebih daripada satu huruf.

Di antara hikmah yang Allah s.w.t perturunkan Al-Qur'an ini dengan tujuh huruf ialah untuk meringan dan memudahkan umat Islam membaca dan memahaminya, kebetulan pula dengan firman Allah

(ولقد يسرنا القرآن للذّكْر فهل من مدكر) Al-Qamar : 17

Ertinya ; Sesungguhnya kami telah mudahkan Al-Qur'an untuk pelajaran, maka adakah orang yang mengambil pelajaran". Rasulullah s.a.w bersabda : يا أبى، ارسل الى أن أقرأ القرآن على حرف، " (Sahih Muslim Bisyarh Al-Nawawi, Tanpa Tarikh, Jilid 6, ms : 101-103) ertinya ...Wahai Ubay!

aku diutuskan agar membaca Al-Qur'an dengan satu huruf, kemudian aku meminta kepada Jibril untuk memudahkan umatku... hingga akhir

hadith". Walaupun qabilah-qabilah ini terdiri daripada Bangsa Arab dan juga bertutur dalam satu rumpun bahasa iaitu Bahasa Arab, namun demikian terdapat perbezaan dalam dialek-dialek mereka. Ini merupakan satu penghormatan dan penghargaan serta rahmat dari Allah s.w.t terhadap umat Nabi Muhammad s.a.w di mana permintaan Rasulullah s.a.w diterima oleh Allah s.w.t agar dapat membaca Al-Qur'an lebih daripada satu huruf.

Kitab-kitab suci sebelum Al-Qur'an diturunkan dengan satu huruf sahaja kerana para Rasul sebelum ini hanya diutuskan kepada kaumnya sahaja, sedangkan Nabi Muhammad s.a.w diutuskan kepada semua manusia, termasuklah bangsa Arab dan bukan bangsa Arab. Walaupun Al-Qur'an ini diturunkan dalam bahasa mereka iaitu Bahasa Arab, tetapi Bahasa Arab ini terdiri daripada bermacam-macam dialek. Keadaan ini menyusahkan mereka bertutur bahasa lain selain daripada bahasa qabilah mereka dan mereka pula tidak mampu menguasainya walaupun dengan secara belajar, lebih-lebih lagi orang-orang tua dan orang-orang perempuan. (Al-Zarqāniy, Muhammad Abd Al-'Azim, Tanpa Tarikh, Jilid 1, Ms : 146).

3.4.3 : Hikmah Dan Faedah Al-Qira'at

Di antara hikmahnya juga ialah untuk menyatukan umat Islam dalam satu bahasa yang boleh menyatukan mereka iaitu Bahasa Quraysy yang tersusun daripada berbagai bahasa pilihan di kalangan qabilah-qabilah bangsa Arab yang berkunjung ke Mekah terutamanya pada musim haji. Dengan sebab itulah Al-Qur'an diturunkan dengan tujuh huruf, dan kita boleh memilih mana satu bahasa yang dikehendaki

antara beberapa bahasa qabilah Arab yang terkandung di dalam Bahasa Quraysy. Inilah dia hikmah Allah s.w.t yang amat tinggi kerana sesungguhnya kesatuan bahasa itu merupakan salah satu daripada faktor penting dalam menyatupadukan umat, lebih-lebih lagi pada masa permulaan dan kebangkitan Islam.

(Muhammad 'Ali Al-Sabuniy, 1981M/1401H, ms : 213)

Antara kebaikan dan faedah berbilang qirā'at yang lain ialah :

1) Menerangkan Hukum-Hukum.

Seperti firman Allah s.w.t

وإِنْ كَانَ رَجُلٌ يَورثُ كَلَالَةً أَوْ امْرَأَةً
وَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتٌ فَلَكُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا السَّدِسُ

(Al-Nisā' : 12)

Ertinya : Sekiranya si mati yang diwarisi itu lelaki atau perempuan yang tidak meninggalkan anak atau bapa dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki atau perempuan (seibu), maka bagi tiap-tiap seorang daripada mereka ialah satu perenam. Sa'd ibn Abi Waqas membaca ayat tersebut dengan bacaan : "وله أخ أو اخت من أم" (Al-Nisā' : 12) iaitu dengan menambah perkataan "من أم". Bacaan ini memberi erti bahawa yang dimaksudkan dengan saudara di dalam hukum ini ialah saudara seibu dan hukum ini dipersetujui oleh jumhur ulamak.

(Ibn Al-Jazariy, 1961M / 1381H, ms : 59)

2) Menjadi murajjih (pembuat) kepada sesuatu hukum yang Ulamak berbeza pendapat mengenainya, seperti bacaan "أَوْ تَحْرِيرٌ" ditambah perkataan "مؤمنة" "رَقْبَةٌ مُؤْمِنَةٌ" dalam hukum membayar

hutang dosa di atas pelanggaran sumpah yang sengaja,firman Allah

s.w.t

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللِّغُو فِي أَيمَانِكُمْ وَلَكُنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَدْتُمُ الْأَيْمَانَ فَكَفَارَتُهُ
اطعام عشرة مساكين من أوسط ما تطعمون أهليكم أو كسوتهم أو تحرير
رقبة فمن لم يجد فصيام ثلاثة أيام ذلك كفارة أيمانكم اذا حلقت

(Al-Mâ'idat : 89)

Ertinya : Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-
sumpahmu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah), tetapi Allah
menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sengaja,
maka kaffarah

(membayar hutang dosa) sumpah itu, ialah memberi makan 10 orang
miskin iaitu daripada makanan yang biasa kamu berikan kepada
keluargamu atau memberi pakaian kepada mereka atau
memerdekaan seorang hamba. Barangsiapa yang tidak sanggup
melakukan demikian, maka kaffarahanya puasa selama tiga hari. Yang
demikian itu adalah kaffarah sumpah - sumpahmu bila kamu
bersumpah (dan kamu langgar).

Penambahan lafaz "مؤمنة" itu ialah untuk menguatkan syarat hamba
yang hendak dimerdekaan menurut pendapat Imam Shafî'î .

(Muhammad Salim Muhaysan (Dr), 1984M / 1404 H, Jilid 1, ms : 37)

3) Untuk menghimpunkan antara dua hukum yang berlainan dalam
dua bacaan yang berlainan, seperti firman Allah

وَلَا تَقْرِبُوهُنَّ حَتَّى يَطْهُرُنَّ فَاعْتَزِلُوهُنَّ النِّسَاءُ فِي الْمَحِيضِ

(Al-Baqarat : 222)

) Hamzah, Shu'bat, Al-Kasai dan Khalaf membaca perkataan 'يَطْهَرُنَ' iaitu dengan meletakkan tanda "fathah" dan "shaddah" pada huruf "ta'" dan "ha'" yang bermakna "mandi".

i) Para qurra' lain membaca "يَطْهَرُنَ" iaitu meletakkan tanda 'sukun" pada huruf "ta'" dan "dammah" pada huruf "ha'" bermakna "seorang perempuan yang berhenti haidnya". Yang lebih baik ialah menghimpunkan kedua-dua makna ini, iaitu seorang perempuan tidak didatangi oleh suaminya (jimak) kecuali setelah suci dengan berhentinya haid dan mandi janabah.

(Muhammad Salim Muhaysan (Dr), 1984 / 1404H, Jilid 1, ms : 37 - 38)

4) Berdalikan di atas dua hukum syara' tetapi di dalam dua keadaan yang berlainan. Saperti firman Allah dalam menerangkan hal wudu' :

فاغسلوا وجوهكم وأيديكم الى المرافق
وامسحوا برؤوسكم وأرجلكم الى الكعبين

(Al - Ma'idat : 6)

i) Nafi', Ibn 'Amir, Hafs dan Ya'kub membaca perkataan "أَرْجُلَكُمْ" iaitu dengan meletakkan tanda "fathah" pada huruf "lam" kerana 'ataf (عطف) kepada perkataan "أَيْدِيكُمْ" iaitu hukum kaki mesti dibasuh saperti muka.

ii) Qurra' lain membaca perkataan "أَرْجُلَكُمْ" iaitu dengan meletakkan tanda "kasrah" pada huruf "lam" kerana 'ataf (عطف) kepada perkataan "رُؤُوسُكُمْ" iaitu hukum kaki disapu seperti sapu

kepala.

Cara menghimpunkan kedua-dua hukum tadi ialah hukum sapa c kaki ialah untuk pemakai Khuff dan hukum basuh kaki ialah untuk bukan pemakai khuff.

(Muhammad Salim Muhaysan(Dr), 1984M / 1401H, Jilid 1, ms : 38)

5) Menjelaskan perkara kesamaran.

Seperti firman Allah "وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعَهْنِ الْمَنْفُوشِ" (Al-Qari'at : 5) perkataan "الْعَهْنُ الْمَنْفُوشِ" dibaca juga dengan bacaan "الصَّوْفُ الْمَنْفُوشِ".

Bacaan kedua menerangkan bahawa perkataan "الْعَهْنِ" ialah bermakna "الصَّوْفُ" iaitu bulu binatang.

Kesimpulannya bahawa Al-Qirā'āt ini bukan sahaja memberi kemudahan, kelonggaran dan keringanan kepada umat Nabi Muhammad s.a.w, tetapi ianya merupakan mu'jizat dalam Al-Qur'ān sebab Al-Qirā'āt ini datangnya dari Allah s.w.t . Al-Qirā'āt ini juga memainkan peranan dalam memberi penjelasan kepada yang lain. Pada keseluruhan bacaan ini tidak ada percanggahan, malah semuanya adalah benar dan mempunyai tujuan yang satu iaitu hidayah dan pengajaran.

3.4.4 : Aspek-Aspek Yang Menyebabkan Berlakunya Perbezaan Dialek.

Setelah mengetahui tentang Al-Qirā'āt dan kesannya di dalam dialek-dialek Arab, kita akan memperkatakannya pula tentang aspek-aspek

yang menyebabkan berlakunya perbezaan dialek itu. Al-Qur'an yang mengandungi berbagai dialek Arab boleh dibahagikan kepada empat bahagian :-

- i) Perbezaan dialek-dialek Al-Qur'an (لهجات قرآنية) dari aspek bunyi (Fonetik)
- ii) Perbezaan dialek-dialek Al-Qur'an dari segi saraf (morfologi)
- iii) Perbezaan dialek-dialek Qur'an dari segi derivasi (أصل الاشتقاق) atau asal perkataan.
- iv) Perbezaan dialek-dialek Al-Qur'an dari segi simantik

Dalam bahagian ini penulis hanya akan membincangkan yang pertama sahaja iaitu tentang perbezaan dialek-dialek Al-Qur'an daripada aspek bunyi atau fonetik. Dalam bahagian ini perbezaan ini berlaku di sebabkan oleh :

A) Fenomena Idghām dan Izhār (ظاهرة الإدغام والإظهار).

Ini adalah fenomena bahasa yang diambil berat oleh Ulamak dahulu dan sekarang.

Izhār membawa dua pengertian :

- i) Dari segi bahasa ia bermaksud terang dan jelas dan
- ii) Dari segi Istilah ia bermaksud mengeluarkan tiap-tiap huruf dari makhrajnya (daerah artikulasi) tanpa dengung pada huruf yang dikeluarkan.

Saperti Izhar, Idghām juga membawa dua pengertian :

- i) Dari segi bahasa ia bermaksud memasukkan sesuatu ke dalam sesuatu yang lain. Diungkapkan

أَدْغَمَتِ الْلِّجَامُ فِي فَمِ الدَّابَّةِ أَىًّا دَخَلْتَهُ فِيهِ

bererti dimasukkan kekang ke dalam mulut kuda. Dan

- ii) Dari segi Istilah ia bermaksud menyebut dua huruf dalam satu huruf yang mana huruf kedua diletakkan tanda shaddah (ش). Contohnya perkataan " شَدَّدْ " menjadi " شَدَّ ".

Yang dimaksudkan dengan " Idghām " oleh ahli bahasa moden ialah pengaruh suara antara satu sama lain semasa ia berdekatan, ini digolongkan dalam " Asimilasi " juga (Ibrahim Anis (Dr), 1965M, ms : 70). Ulamak bahasa membahagikan " Idghām " ini kepada dua jenis:-

a) Idghām ke belakang (Regressive - رجعي)

Ialah pengaruh ke belakang iaitu suara atau huruf yang pertama mempengaruhi suara atau huruf yang kedua.

b) Idghām ke depan (Progressive - تقدمي)

Ialah pengaruh ke depan iaitu suara atau huruf yang kedua mempengaruhi suara atau huruf yang pertama.

Adapun di sisi para qurra' pula, Idghām hanyalah pengaruh ke belakang sahaja la biasanya berlaku di kalangan orang badawi yang cenderung kepada percakapan yang cepat, keadaan ini banyak terdapat di negeri Iraq kerana kebanyakkan qabilah yang ada di situ terdiri daripada mereka yang datang dari kawasan badawi. Ada tiga

sebab huruf-huruf itu dibaca dengan secara Idghām iaitu Al-Tamāthul (التماثل), Al-taqārūb (التقارب) dan Al-tajānus (التجانس)

a) Al-Tamāthul (التماثل)

Al-Tamāthul mempunyai dua huruf yang sama pada makhrajnya dan sama pada semua sifatnya. Contohnya :

(i) Huruf "fa' " (ف) diidghamkan kepada huruf "fa' " (ف).

Contohnya : "فَلَا يُسْرِفُ فِي الْقُتْلِ". Surah Al-Isra', ayat 33.

(ii) Huruf "ta' " (ت) dildghamkan kepada huruf "ta' " (ت).

Contohnya : "فَمَا رَبَحَتْ تِجَارَتَهُمْ". Al-Baqarah, ayat 16.

(iii) Huruf "ha' " (ھ) dildghamkan kepada huruf "ha' " (ھ).

Contohnya : "وَمَن يَكْرِهُنَّ" surah An-Nur, ayat 33.

(iv) Huruf "lam " (ل) dildghamkan kepada huruf "lam " (ل).

Contohnya : "وَاجْعَلْ لَّى" surah Al-Isra' ayat 80.

(v) Huruf "ba' " (ب) dildghamkan kepada huruf "ba' " (ب).

Contohnya : "إِضْرِبْ بَعْضَكُوكَ الْحَجَرْ" surah Al-Baqarah ayat 60

b) Al-Taqārūb (التقارب).

Ia mempunyai dua huruf yang berhampiran makhraj dan juga berhampiran pada satengah sifatnya . Seperti huruf "lam " (ل) dan huruf "ra' " (ر). Contohnya firman Allah

وَقُلْ رَبِّ ادْخُلْنِي مَدْخَلَ صَدَقَ (Al-Isrā' : 80)

Huruf "lam " pada perkataan "قل" dan huruf "ra' " pada perkataan "رَبْ" ialah dua huruf yang berhampiran makhraj dan sifatnya.

c) Al-Tajānus (التجانس).

Ia bermakna dua huruf yang sama pada makhrajnya tetapi tidak sama pada semua sifatnya . Contohnya : -

(i) Huruf " dal " (د) diidghamkan kepada huruf " ta' " (ت).

Contohnya : " لَمْ شَهِدْتُمْ عَلَيْنَا " (Fussilat : 21)

(ii) Huruf " ta' " (ت) diidghamkan kepada huruf " dal " (د).

Contohnya : " قَدْ أَجْيَبْتُ دَعْوَكُمَا " (Yunus : 89)

(iii) Huruf " ta' " (ت) diidghamkan kepada huruf " ta' " (ط).

Contohnya : " إِذْ هَمَّتْ طَائِقَاتٍ مِنْكُمْ أَنْ تَفْشِلَا " (Al-'Imrān : 122)

Ada beberapa tempat ditegah idghām, antaranya ialah : -

i) Huruf yang hendak diidghamkan merupakan hurf " ta' " (ت) gantinama (ضمير) samada untuk orang pertama atau orang kedua . Contohnya firman Allah " كُنْتُ تُرَابًا " (Al-Naba' : 40) dan ayat " أَفَأَنْتَ تُسْمِعُ الصُّمْ " (Al-Zukhruf : 40)

Jika diidghamkan maka ianya akan menghilangkan perbezaan antara dua " ta' ".

ii) Huruf pertama berbaris dan yang kedua bertanda sukun, kedua-duanya dalam satu perkataan. Contohnya firman Allah :

" وَإِنْ يَمْسِنَكَ بَخْرٌ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ " (Al-An'ām : 17).

Dua huruf "sin" (س) yang berada pada perkataan " يَمْسِنَكَ ". Huruf pertama bertanda " fathah " dan manakala huruf yang kedua pula

bertanda "sukun", ianya tidak boleh diidghamkan kerana sebutannya menjadi berat.

iii) Huruf yang hendak diidghamkan itu bertasydid atau bershaddah (س). Contohnya firman Allah "نُوقِوا مَسْ سَقْر" (Al-Qamar : 48)

Huruf "sin" yang bertanda "shaddah" dan fathah" itu pada asalnya mempunyai dua huruf iaitu "مسن". Huruf pertama bertanda "sukun" dan kedua bertanda "fathah", di sini dilarang diidghamkan kerana huruf yang kedua tidak dapat diidghamkan kepadanya kerana ia dua huruf serentak.

iv) Idgham satu huruf ke dalam satu huruf lain yang tempat keluarnya lebih dalam dari huruf pertama seperti "waw" (و) dan huruf "qaf" (ق). Contohnya firman Allah

وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ (Al-An'am : 18)

Makhraj "waw" antara dua bibir dan manakala makhraj "qaf" pula di pangkal lidah diangkat ke langit lembut ditekankan pada anak lidah. Sebab ditegahkan idgham di sini kerana menyusah atau memberatkan sebutan dan ini boleh menghilangkan bentuk idgham sebagai satu keringanan kepada pembacanya.

Antara qurra' yang mengutamakan idgham ialah Abu 'Umar, Al-Kasa'i, Hamzah, Ibn 'Amir dan Khalaf. Walaupun begitu mereka juga berbeza di antara satu sama lain daripada segi peratus idghamnya. Ada pula di antara para qurra' yang mengutamakan Izhar seperti Ibn Kathir, Nafi', Abu Ja'far, 'Asim dan Ya'kub, namun masih terdapat perbezaan di antara mereka.

Dalam Al-Qur'an biasanya digunakan dengan Izhar iaitu dengan lajhāt Hijaz seperti firman Allah "وَلَا تَمْنَنْ تَسْتَكِنْ".(Al-Muddathir : 6)

Kadangkala dalam Al-Qur'an menggunakan lajhāt Tamim dengan cara idghām seperti firman Allah "وَمَنْ يَرْتَدَ مِنْكُمْ عَنِ دِينِهِ".(Al-Ma'idat : 54)

Perkataan "رَتَّدَ" di dalam ayat tersebut dibaca secara idghām tetapi qurrā' Madinah iaitu Nafi' dan Abu Ja'far membaca perkataan tersebut secara tidak idghām dengan bacaan "وَمَنْ يَرْتَدِدَ"

Kesimpulannya penduduk Hijaz berpegang kepada izhar dan mereka mengelakkan daripada mengidhamkan huruf yang berhampiran, dan ini sudah tentu memerlukan penelitian dan kecermatan dalam bacaan bagi memberikan hak yang sepenuhnya pada setiap huruf.(Ibrahim Anis (Dr), 1965M, ms : 75)

B) Fenomena Meringankan Hamzah.

Hamzah adalah merupakan huruf yang paling susah hendak disebut kerana huruf ini terkeluar daripada lingkungan rongga kerongkong, sebab itu iaanya digelarkan huruf linkungan kerongkong (حلقية).

Hamzah ialah satu bunyi senyap, keras dan meletup. Ini berlaku apabila ruang yang berada di antara dua selaput suara ditutup rapat sehingga angin tidak menembusi kerongkong. Angin ditekan ke bawah kerongkong lantas dua selaput suara terbuka dengan tiba-tiba mencetuskan bunyi seperti meletup.(Muhammad Salim Muhsaysan/Dr),1984M / 1404H, Jilid 1, ms : 94)

Biasanya penggunaan hamzah merupakan antara ciri-ciri qabilah Tamim manakala orang Quraysy pula pada asalnya tidak

menggunakan hamzah. Walaupun begitu ada juga setengah riwayat yang menyebut bahawa qabilah Tamim juga pernah menukarkan hamzah yang bertanda sukun kepada huruf mad yang sama dengan baris sebelumnya. Contohnya perkataan :

"رأس" menjadi "رَاسٌ"
"بَئْرٌ" menjadi "بَئْرٌ"
"لَؤْمٌ" menjadi "لَوْمٌ"

(Ibrahim Anis (Dr), 1965M, ms : 75)

Sebenarnya sebutan tanpa hamzah di kalangan orang Hijaz bukanlah menyeluruh, bahkan ada di kalangan mereka yang menggunakan hamzah. Contoh ialah bacaan Ibn Kathir sepenuhnya menggunakan hamzah. Boleh dikatakan bahawa di antara ciri yang penting yang digunakan dalam Bahasa Arab standard yang diambil dari luar kawasan Hijaz ialah bacaan dengan hamzah. Orang Hijaz pun menggunakan hamzah dalam penggunaan rasmi walaupun mereka tidak menggunanya dalam perbualan harian mereka.

Antara cara-cara yang dilakukan oleh orang Hijaz dalam bacaan tanpa hamzah bolehlah dilihat daripada bacaan Abu Ja'far dan Nafi' yang boleh diringkaskan seperti berikut :-

a) Sekiranya hamzah itu bertanda sukun dan huruf sebelumnya berbaris, maka hamzah itu ditukar kepada huruf mad yang sesuai dengan baris sebelumnya. Contohnya perkataan :

يُوْمِنُونَ يوْمِنُونَ
بِيْسَ بِيْسَ
فَادْنُوا فَادْنُوا

b) Hamzah berbaris dan huruf sebelumnya berbaris juga bertukar menjadi keadaan berikut :-

i) Sekiranya hamzah bertanda "fathah" dan huruf sebelumnya bertanda "dammah", maka hamzah itu bertukar kepada "waw".

Contohnya perkataan : يُواخِذُ menjadi يواخذ

الْفَوَادُ menjadi الفواد

هُزُواً menjadi هزوا

ii) Jika hamzah bertanda " fathah " dan huruf sebelumnya bertanda " kasrah", maka hamzah itu bertukar kepada " ya' ".

Contohnya perkataan : رَيَاءُ النَّاسِ menjadi رباء الناس
خَاصِيَاً menjadi خاسيما

iii) Jika hamzah bertanda "dammah" dan huruf sebelumnya bertanda "kasrah" dan huruf selepasnya pula huruf "waw", maka hamzah tersebut dibuang dan diletakkan tanda "dammah" pada huruf sebelumnya.

Contohnya perkataan : مُسْتَهْزِئُونَ bertukar menjadi مُسْتَهْزُونَ

iv) Jika huruf hamzah bertanda "dammah" dan huruf sebelumnya bertanda " fathah ", maka hamzahnya dibuang.

Contohnya perkataan . وَلَا يَصُوْنَ bertukar menjadi ولا يطُون

v) Sekiranya hamzah bertanda " kasrah " dan huruf sebelumnya juga bertanda " kasrah ", maka hamzah dibuang juga.

Contohnya perkataan مُتَكِّيْنَ bertukar menjadi مُتَكِّيْنَ

vi) Jika hamzah bertanda "fathah" dan huruf sebelumnya bertanda "fathah", maka diringankan hamzah. Contohnya perkataan :

أَرَيْتُكُمْ menjadi أَرَيْتُكُمْ

c) Hamzah yang berbaris dan huruf sebelumnya bertanda "sukun", maka tanda baris di atas huruf hamzah berpindah kepada huruf yang sebelumnya dan dibuangkan hamzah samaada ianya di dalam satu kalimah atau dua kalimah. Contohnya

i) Pada satu perkataan : وَالْأُخْرَى menjadi وَلْخُرْى

ii) Pada dua perkataan : مِنْ إِلَهٍ menjadi مِنْ لِهِ

C) Fenomena Al- Fath dan Al- Imalat (ظاهرة الفتح والإملالة)

Secara umumnya bahawa qabilah-qabilah yang tinggal di kawasan Barat Semenanjung Arab, termasuklah qabilah-qabilah yang tinggal di kawasan Hijaz seperti Quraysy, Thaqib, Hawazin dan Kinanah lebih cenderung kepada Al- Fath. (Muhammad Salim Muhaysan (Dr), 1986M, ms : 94)

Adapun qabilah-qabilah yang tinggal di kawasan Tengah dan Timur Semenanjung Arab seperti Tamim, Qays, Asad, Tai (طائ), Bakr bin Wa'il dan Abd Al-Qays (عبد القيس) dan Taghabn (تغلب) dan juga qabilah-qabilah yang tinggal di kawasan 'Iraq selepas kemasukan Islam kesemuanya cenderong kepada Imalat. (Ibrahim Anis (Dr), 1965M, ms : 60)

Yang dimaksudkan dengan Al-Fath ialah orang yang bercakap membuka mulutnya ketika menyebut huruf. Manakala Al-Imalat pula,

pengertiannya dari sudut bahasa ialah mencondongkan lidah. Menurut pada istilah Al-Imālat, ianya mempunyai dua makna : -

- i) Al-Imālat Al-Kubrā (الإِمَالَةُ الْكَبِيرَى) iaitu mendekatkan bunyi fathah kepada kasrah atau alif kepada ya' dengan tidak menghilangkan yang pertama iaitu fathahatau alif.
- ii) Al- Imālat Al- Sughrā (الإِمَالَةُ الصَّغِيرَى) iaitu keadaan sebutan antara Al- Fath dan Al- Imālat Al- Kubrā.

Perlu diingatkan bahawa seorang itu tidak mampu membaca secara Imālat dengan baik samada Imālat Kubrā atau Imālat Sughrā kecuali dengan secara belajar dari mulut ke mulut dan mendengar bacaan tersebut daripada guru. Di antara qurrā' yang membaca Al-Qurān secara Imālat ialah Warasy, Abu 'Amru, Ibn Al-'Alā' Al-Basriy, Hamzah dan Al-Kasa'i, dan manakala para qurrā' yang membaca dengan cara Al-Fath ialah Qalūn, Ibn Kathīr, Ibn 'Amir, 'Āsim, Abu Ja'far dan Ya'kub. (Muhammad Salim Muhaysan (Dr), 1986M, ms : 94)

Walaupun 'Āsim seorang 'alim Kufah yang meninggal dunia pada tahun 127H yang qira'atnya diambil oleh Hafs yang bagitu meluas pembacaannya di Negeri Arab sekarang, tetapi bacaannya tidak mengikuti Imālat. Ini adalah disebabkan beliau lebih terpengaruh dengan suasana Hijaz dan beliau juga lebih mendahului daripada orang-orang lain daripada segi seni qira'at. Oleh itu tidak hairanlah jika terdapat di sana beberapa qari yang tidak mengikuti arus lajhat kawasannya dalam bacaan Al-Qurān.

Menurut pendapat Dr. Muhammad Salim Muhaysan dalam bukunya " *Al-Muqtabas Min Al-Lahajat Al-'Arabiyyat_ Wa Al-Quraniyyat* " m.s. 95 mengatakan bahawa bacaan secara *Imālat* ini ada faedahnya iaitu untuk memudahkan sebutan lafaz atau perkataan, kerana bacaan secara *Al-Fath* lidah hendaklah diangkat sedangkan bacaan secara *Imālat* lidah diturunkan. Menurunkan lidah ketika menyebut perkataan adalah lebih senang atau mudah daripada mengangkatkannya.

D) Fenomena *Al-Fath* Dan *Iskan*(meletak tanda sukun) kepada " Ya' " *Al-Idafat* (ظاهرة الفتح والإسكان في ياءات الإضافة).

Ya' Al-Idafat pada istilah *qurrā'* ialah *Ya'* huruf penambahan imbuhan yang menunjukkan gantinama orang pertama. Ada pun huruf " *Ya'* " yang tidak termasuk dalam ta'rif ini ialah : -

- i) *Ya' Asli* (ياء الأصلية). Contohnya : " وإن أدرى " .
- ii) *Ya' dalam Jama' Al-Muzakkar Al-Salim* (Masculine Plural - جمع المذكر السالم)
Contohnya : " حاضرى المسجد الحرام "

- iii) *Ya' yang menunjukkan kepada Al-Muannath* (Feminine- المؤنث)
Contohnya : " فكلى و اشربى "

(Muhammad Salim Muhaysan (Dr). 1986M, ms:96)

Ya' Al-Idafat (ياء الإضافة) bersambung dengan *katanama* (الاسم), *katakerja* (الفعل) dan *Al-harf* (الحرف - Particle).

- i) Ya' Idafat yang bersambung pada **katanama**, maka **kedudukan Ya' itu adalah majrur** (مجرور). Contohnya : " **نفسی** " .
- ii) Ya' Idafat yang bersambung pada **katakerja**, maka **kedudukan Ya' itu adalah mansub** (منصوب). Contohnya " **أوزعنی** " .
- iii) Ya' Idafat yang bersambung dengan **Al-harf**, maka **kedudukan Ya' itu adalah** :-

a) **Majrur** (مجرور) seperti " **لی** " .

b) **Mansub** (منصوب) seperti " **وإني** " .

(Ibn Al-Jazariyy, Abi Al-Khayr Muhammad bin Muhammad Al-Dimasyqiyy, tanpa tarikh, jld. 2, ms : 161)

Para qurra' berselisih pendapat tentang Ya' Idafat ini kerana ia berkisar di antara Al-Fath dan Al-Iskan (meletak tanda sukun). Kedua-dua ini adalah merupakan dua bahasa (dialek) yang tersibar luas di kalangan Orang Arab.

Ya' Idafat yang terdapat di dalam Al-Qur'an, bolehlah dibahagikan kepada tiga bahagian :-

- i) Para qurra' yang bersependapat meletakkan tanda sukun di atas huruf Ya' berjumlah 566 Ya'. Contohnya firman Allah " **وَانِي جاعل فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً** " (Al-Baqarat : 20)
- ii) Para qurra' juga bersependapat meletakkan tanda fathah di atas huruf Ya' itu jumlahnya 21 Ya' sahaja Contohnya firman Allah " **وَإِيَّا فَارْهُونَ** " (Al-Baqarat : 40)

iii) Di sini pula para qurra' berselisih pendapat samada hendak meletakkan tanda sukun atau tanda fathah pada huruf Ya' Idafat. Perselisihan pendapat-pendapat tersebut dibahagikan kepada enam bahagian : -

a) Selepas huruf Ya' Idafat terdapat Hamzah Qata' yang bertanda fathah. Jumlah yang terdapat dalam Al-Qur'an ialah 99 Ya', antara contohnya firman Allah

اَنِّي اَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ (Al-Baqarat : 30)

b) Selepas huruf Ya' Idafat terdapat Hamzah Qata' juga yang bertanda kasrah, jumlahnya dalam Al-Quran 52 Ya', antara contohnya firman Allah " مَنْ أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ ". (Ali 'Imrān : 52)

c) Selepas Ya' Idafat terdapat Hamzah Qata' juga yang bertanda dammah. Jumlahnya 10 Ya' sahaja, antara contohnya firman Allah " اَنِّي أَعِذُّهَا بِكَ ". (Ali 'Imrān : 36)

d) Selepas Ya' Idafat terdapat Hamzah Wasal (همزة وصل) bersama Lam Al-Ta'rif (*Definitive Article Lam* - لام التعريف), jumlahnya 14 Ya' sahaja, antara contohnya firman Allah

لَا يَنْأِلُ عَهْدَ الظَّالِمِينَ (Al-Baqarat : 142)

e) Selepas Ya' Idafat terdapat Hamzah Wasal sahaja, jumlahnya 7 Ya' terdapat dalam Al-Qur'an. Antara contohnya firman Allah " اَنِّي اصْطَفَيْتُكَ ". (Al-'Araf : 141)

f) Tidak ada Hamzah Wasal (همزة وصل) dan Hamzah Qata' (همزة قطع)

selepas huruf Ya' Idāfat, hanya yang selepas Ya' itu ialah huruf-huruf Al-Hija' (حروف الهجاء) sahaja, jumlahnya hanya 30 Ya' sahaja. Antara contohnya ialah firman Allah

وجهت وجهى الذى فطر السماوات والأرض (Al-An'am : 79)

Al-Fath dan Al-Iskan pada Ya' Idāfat ini adalah merupakan dua faktor yang berubah sebutan, sebab suukata sebutan terbahagi kepada dua iaitu yang berbaris dan bertanda sukun. Sukukata yang berbaris akan melahirkan sebutan Lin (لين) samada panjang atau pendek dan manakala suukata yang bertanda sukun, disudahi atau diakhiri dengan sebutan tertutup (مغلق).

Kesimpulan daripada dua sebutan tadi ternyata bahawa huruf-huruf yang bertanda sukun melahirkan sebutan tertutup dan sebaliknya pula huruf-huruf yang berbaris diakhiri dengan sebutan terbuka.

3.4.5 : Perselisihan Pendapat Para Qurra' Tentang Penyebutan Beberapa Lafaz Di Dalam Al-Qur'an.

Para qurra' berselisih pendapat tentang beberapa lafaz atau perkataan yang terdapat di dalam Al-Qur'an sama ada hendak diletakkan tanda sukun atau pun tanda baris, antaranya :-

1) Perkataan " القدس "

Firman Allah " و أيناه بروح القدس " (Al-Baqarat : 87)

- a) Ibn Kathir membaca perkataan tersebut dengan meletakkan tanda sukun di atas huruf " dal " iaitu " الْقَدْسُ " untuk meringankan atau memudahkan sebutan supaya tidak terdapat dua dammah berturutan di dalam satu perkataan, ini adalah dialek Tamim dan Asd
- b) Qurra' yang lain membaca dengan meletakkan tanda dammah di atas huruf " dal " iaitu " الْقَدْسُ " mengikut asalnya, ini adalah bahasa orang Hijaz.

2) Perkataan " قدره "

Firman Allah : " وَمَا قَدَرُوا اللَّهُ حَقَّ قَدْرِهِ " (Al-An'am : 91)

- a) Ibn Zkuwan, Hafs, Hamzah, Al-Kasa'i, Abu Ja'far dan Khalaf membaca perkataan tersebut dengan meletakkan tanda Fathah di atas huruf " dal " iaitu " قدره " mengikut asalnya, ini adalah bahasa orang Hijaz.
- b) Para qurra' lain pula membacanya dengan meletakkan tanda "sukun" di atas huruf " dal " iaitu " قدره " untuk meringangkan sebutannya supaya tidak berturutan dua fathah dalam satu perkataan. Ini adalah Bahasa Tamim dan Asd .

3) Perkataan " جزءاً "

Firman Allah " وَجَعَلُوا لَهُ مِنْ عِبَادَةِ جُزْءًا " (Al-Zukhruf 15)

- c) Syu'bat membaca perkataan ini dengan meletakkan tanda "danimah" di atas huruf " zay " iaitu " جزءاً " mengikut asalnya, iaitu bahasa orang Hijaz

b) Qurra' yang lain membacanya dengan meletakkan tanda "sukun" di atas huruf "zay" iaitu "جزءاً" untuk meringankan sebutan, ini adalah Bahasa Tamim dan Asd.

4) Perkataan "أكلها"

Firman Allah "فَأَتَتْ أَكْلُهَا ضَعْفَيْنِ" (Al-Baqarat : 265)

a) Nafi', Ibn Kathir dan Abu 'Amru membaca perkataan ini dengan meletakkan tanda "sukun" di atas huruf "kaf", bacaannya "أكلهَا" untuk meringangkan sebutan menurut Bahasa Tamim dan As

b) Para qurra' lain membacanya dengan meletakkan tanda "damma" mengikut asal sebutannya "أكلهَا", iaitu bahasa orang Hijaz.

5) Perkataan "رسلنا"

Firman Allah "وَلَقَدْ جَاءَتْهُمْ رَسْلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ" (Al-Maidat : 32)

a) Abu 'Amru menyebut perkataan ini dengan meletakkan tanda "sukun" di atas huruf "sin", bacaannya "رسلنا" untuk meringangkan sebutan menurut Bahasa Tamim dan Asd.

b) Qurra' yang lain membacanya dengan meletakkan tanda "dammah" di atas huruf "sin", bacaannya "رسلنا" mengikut asal sebutannya dalam Bahasa Hijaz

6) Perkataan " السُّحْت "

Firman Allah

" وَتَرَى كَثِيرًا مِّنْهُمْ يَسْأَلُونَ فِي الْإِثْمِ وَالْعُدُوانِ وَأَكْلِهِمُ السُّحْتُ "

(Al-Mâ'idah : 62)

- a) Nafi', Ibn 'Amir, 'Asim, Hamzah dan Khalaf Al-Bazzar membaca perkataan tersebut dengan meletakkan tanda "sukun" pada huruf "ha'" untuk meringankan sebutan " السُّحْت " mengikut Bahasa Tamim dan Asad.
- b) Para qurra' lain membacanya dengan meletakkan tanda 'dammah" mengikut asal sebutannya dalam Bahasa Hijâz " السُّحْت ".

7) Perkataan " عَسْرًا "

Firman Allah "وَلَا تَرْهَقْنِي مِنْ أَمْرِي عَسْرًا" (Al-Kahf : 73)

- a) Abu Ja'far membaca perkataan itu dengan meletakkan tanda "dammah" pada huruf "sin" iaitu menurut asal sebutannya dalam Bahasa Hijaz " عَسْرًا " .
- b) Para qurra' lain membacanya dengan meletakkan tanda "sukun" di atas huruf "sin" untuk meringankan sebutan mengikut Bahasa Tamim dan Asd " عَسْرًا " .

8) Perkataan " نَكْرَا "

Firman Allah (i) وَعَذَبَنَا هَا عَذَابًا نَكْرَا (Al-Talaq : 8)
(ii) لَقَدْ جَئْتَ شَيْئًا نَكْرَا (Al-Kahf : 74)
(iii) فَيَعْذِبُهُ عَذَابًا نَكْرَا (Al-Kahf : 87)

a) **Nafi', Ibn Zakuwan, Shu'bat, Abu Ja'far dan Ya'kub** menyebut

perkataan ini dengan meletakkan tanda "dammah" di atas huruf ' 'kaf" iaitu " نَكْرَا " menurut asal sebutannya dalam Bahasa Hijāz.

b) **Para qurra' lain** menyebutnya dengan meletakkan tanda "sukun" di atas huruf "kaf" iaitu " نَكْرَا " mengikut asal sebutannya, ini adalah bahasa orang Hijaz.

9) Perkataan " لَهْبٌ "

Firman Allah " تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهْبٍ " (Al-Lahab : 1)

a) **Ibn Kathir** membacanya dengan meletakkan tanda "sukun" pada huruf "ha'" untuk meringankan sebutan menurut Bahasa Tamim dan Asd. " لَهْبٌ ".

b) **Qurra'-qurra' lain** membacanya mengikut asal sebutannya iaitu meletakkan tanda "fathah" pada huruf "ha'" iaitu " لَهْبٌ ", ini adalah Bahasa Tamim dan Asd.

10) Perkataan " عقبا "

Firman Allah " هو خير ثوابا وخير عقبا " (Al-Kahf : 44)

a) 'Asim, Hamzah dan Khalaf Al-'Asyir membacanya dengan meletakkan tanda " sukun " pada huruf "qaf" untuk meringankan sebutan iaitu " عقبا " dalam Bahasa Tamim dan Asd .

b) Qurra' lain membacanya dengan meletakkan tanda "dammah" pada huruf "qaf" menurut asal sebutannya dalam Bahasa Hijaz " عقبا ".

11) Perkataan " خطوات "

Firman Allah

يأيها الذين آمنوا لا تتبعوا خطوات الشيطان (Al-Nur : 21)

a) Nafi', Abu 'Amru, Shu'bat, Hamzah, Khalaf Al-'Asyir dan Al-Bazzi membacanya dengan meletakkan tanda " sukun " pada huruf " ta' " untuk meringangkan sebutan mengikut Bahasa Tamim dan Asd iaitu " خطوات ".

b) Para qurra' lain membacanya dengan meletakkan tanda " damma" mengikut sebutan asalnya iaitu " خطوات ", ini bahasa orang Hijaz.

Terdapat beberapa Dialek-dialek Qur'an (لهجات قرآنية) iaitu qira'at yang berhubung dengan kedudukan sebutan , yang mana perkataan-

perkataan ini tidak termasuk di dalam mana-mana fenomena tertentu. Sesungguhnya perkataan ini adalah merupakan perkataan-perkataan khusus yang terdapat dalam Al-Qur'an, antaranya ialah:-

1) Perkatan " عَسِيْتُمْ "

Firman Allah "فَهُلْ عَسِيْتُمْ أَنْ كَتَبْ عَلَيْكُمُ الْقَتْلَ" (Al-Baqarat : 246)

a) *Nafī'* membacanya dengan meletakkan tanda "kasrah" pada huruf "sin" mengikut Bahasa Hijaz iaitu "عَسِيْتُمْ".

b) *Qurrā'* lain membacanya dengan meletakkan tanda "fathah" pada huruf "sin" iaitu "عَسَيْتُمْ". Ini adalah bacaan bahasa ke semua orang Arab. Perkataan "عَسِيْ" ini boleh dibaca dengan dua wajah sekiranya ia bersambung dengan huruf gantinama (ضمير). Jika ia bersambung dengan perkataan katanama, maka para *qurrā'* bersepakat bahawa ianya hendaklah dibaca dengan meletakkan tanda "fathah" pada huruf "sin". Contohnya "عَسَى رَبُّكُمْ أَنْ يَرْحَمَكُمْ" perkataan "عَسِيْ" ini tidak boleh dibacakan dengan meletakkan tanda "kasrah" iaitu "عَسِيْ".

Dari dua sebutan ini nyatalah bahawa sebutan huruf yang bertanda "fathah" lebih kuat daripada sebutan huruf yang bertanda "kasrah", sebab "kasrah" adalah selemah-lemah baris (baris yang lemah).

2) Perkatan " فَنَعِمْ "

Firman Allah "إِنْ تَبْدُوا الصَّدَقَاتِ فَنَعِمْ هِيَ" (Al-Baqarat : 271)

- a) **Ibn ‘Amir, Hamzah, Al-Kasa'i dan Kahalaf Al-‘Asyir** membacanya dengan meletakkan tanda "fathah" di atas huruf "nun" dan tanda "kasrah" di atas huruf "'ayn" iaitu "فَنِعْمًا", ini adalah Bahasa Orang Hijaz.
- b) **Warasy, Ibn Kathir, Hafs, dan Ya'kub** membacanya dengan meletakkan tanda "kasrah" di atas huruf "nun" dan huruf "'ayn" iaitu "فَنِعْمًا", ini adalah Bahasa Huzayl, Qays dan Tamim.
- c) **Abu Ja'far** membacanya dengan meletakkan tanda "kasrah" pada huruf "nun" dan tanda "sukun" pada huruf "'ayn" iaitu "فَنِعْمًا", ini pun Bahasa Huzayl, Qays dan Tamim juga. Tanda "sukun" pada huruf "'ayn" itu adalah lebih ringan sebutannya daripada tanda huruf "'ayn" yang berbaris.

Kesimpulannya tanda "fathah" dan "kasrah" pada huruf "nun" adalah merupakan dua sebutan yang berlainan kerana sebutan huruf yang bertanda "fathah" itu lebih kuat daripada sebutan huruf yang bertanda "kasrah". Bagitu juga huruf "'ayn" yang bertanda "fathah" sebutannya secara terbuka dan huruf "'ayn" yang bertanda "sukun" sebutannya secara tertutup.

3) Perkataan "الميت"

Firman Allah

"أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلْ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا" (Al-Hujurāt : 12)

- a) Ibn Kathir, Abu 'Amru, Ibn 'Amir dan Shu'bat membaca perkataan ini dengan meletakkan tanda "sukun" pada huruf "ya'" bacaannya ميْت".
- b) Para qurra' yang lain membacanya dengan meletakkan tanda "shaddah" dan "kasrah" pada huruf "ya'" bacaannya ميْت".

Kedua sebutan ini tersibar luas di kalangan orang Arab. Mengikut asal bacaannya ialah "ميْت" huruf "ya'" bertanda "kasrah" dan "shaddah". Tetapi bacaan pada yang bertanda "sukun" pada huruf "ya'" iaitu "ميْت" ialah untuk meringankan bacaan atau sebutan jika dibandingkan dengan tanda "kasrah" dan "shaddah".

Asal perkataan "ميْت" di sisi orang Basrah ialah "میوت", kemudian huruf "waw" itu digantikan dengan huruf "ya'" menjadi "ميْت", kemudian diidhamkan huruf "ya'" kepada huruf "ya'" sebelumnya menjadi "ميْت". Tetapi qurra'-qurra' yang membaca dengan tanda "sukun" pada huruf "ya'" bererti mereka telah membuangkan huruf "waw" di dalam bacaan mereka, sebab perkataan "ميْت" berasal dari perkataan "میوت".

Di sini nyatalah bahawa perkataan yang bertanda "shaddah" itu disebutkan dengan cara terbuka dan manakala ianya bertanda sukun pula disebut atau dibaca dengan cara tertutup.

4) Perkataan "بيوت"

Firman Allah "وَأَنِبِّئُكُمْ بِمَا تَأْكِلُونَ وَمَا تَدْخُرُونَ فِي بَيْوَاتِكُمْ"
(Ali 'Imran : 49)

a) Warasy, Abu 'Amru, Hafs, Abu Ja'far da Ya'kub menyebut perkataan itu dengan meletakkan tanda "dammah" pada huruf "ba'" iaitu "بَيْوْت".

b) Qurra' lain menyebutnya dengan meletakkan tanda "kasrah" pada huruf "ba'" iaitu بَيْوْت.

Kedua-dua sebutan tadi merupakan dua bahasa yang fasih di sisi orang Arab. Perkataan tersebut dibaca dengan meletakkan tanda "dammah" di atas huruf "ba'". Ini adalah mengikut sebutan asalnya kerana perkataan " فعل " berasal dari kata jamak "فُعُول" iaitu bertanda "dammah" di atas huruf "fa'". Bagitu juga perkataan " دهر " kata mufrad, dan kata jamaknya pula " ذهور " iaitu tanda "dammah" di atas huruf "dal". Daripada perkataan inilah dikiaskan kepada perkataan " بيت " kata mufrad dan kata jamaknya ialah "بيوت" iaitu dengan meletakkan tanda "dammah" di atas huruf "ba'".

Adapun mereka yang membaca perkataan tersebut dengan meletakkan tanda "kasrah" kerana huruf "ya'" itu munasabah lagi bersesuaian dengan tanda kasrah sebelumnya. Di sini dapat difahamkan bahawa sebutan huruf yang bertanda "dammah" itu lebih kuat daripada sebutan huruf yang bertanda "kasrah".

5) Perkataan "نعم"

Firman Allah "قل نعم وأنتم داخلون" (Al-Sāfat : 18)

a) Al-Kasa'i membacanya dengan meletakkan tanda "kasrah" di atas huruf "ayn" iaitu "نعم", ini Bahasa Kinānah dan Huzayl.

b) Para qurra' lain membacanya dengan meletakkan tanda "fathah" di atas huruf "ayn" itu menurut bahasa 'am orang Arab, bacaannya "نعم".

Kesimpulan daripada dua sebutan tadi bahawa sebutan yang bertanda "fathah" tadi lebih kuat daripada sebutan yang bertanda "kasrah".

6) Perkataan "أَفْ "

Firman Allah "فَلَا تَقْرُلْ لَهُمَا أَفْ وَلَا تَتَهَّرْ هُمَا" (Al-Isra': 23)

a) Nafi', Hafs dan Abu Ja'far membaca perkataan tersebut dengan meletakkan tanda "kasrah berganda" (tanwin) di atas huruf "fa" iaitu "أَفْ" menurut Bahasa Hijāz dan Yaman.

b) Ibn Kathir, Ibn 'Amir dan Ya'kub membacanya pula dengan meletakkan tanda "fathah" di atas huruf "fa" sebutannya "أَفْ" mengikut Bahasa Qays

c) Qurra' lain membacanya dengan meletakkan tanda "kasrah" di atas huruf "fa" itu dengan sebutannya "أَفْ"

Kesimpulannya sebutan yang menggunakan tanda "fathah" dan "kasrah" itu disebutkan dengan suara terbuka, tetapi sebutan secara

"fathah" adalah lebih nyata dan terang daripada sebutan "kasrah", "tanwin" pula melahirkan suara (sebutan) yang tertutup.

7) Perkataan "جذوة" "

Firman Allah

"لعلى آتكم منها بخير أو جذوة من النار" (Al-Qasas : 29)

- a) **Hamzah** dan **Khalaf al-'Asyir** membacanya dengan meletakkan tanda "dammah" di atas huruf "jim", bacaannya "جذوة".
- b) **'Asim** membacanya dengan meletakkan tanda "fathah" pada huruf "jim", bacaannya "جذوة".
- c) **Para qurra' lain** membacanya dengan meletakkan tanda "kasrah" pada huruf "jim", bacaannya "جذوة".

Ketiga-tiga bacaan atau sebutan tadi adalah Bahasa Arab yang fasih. Kesemuanya ini disebutkan dengan suara yang terbuka, tetapi sebutan dengan menggunakan tanda "fathah" iaitu "جذوة" lebih terang dan nyata daripada yang lain.

*

Dan bagitu juga perkataan "ربوة"

Firman Allah "كمثل جنة بربربة" (Al-Baqarat : 265)

- a) **Ibn 'Amir** dan **'Asim** membacanya dengan meletakkan tanda "fathah" di atas huruf "ra" iaitu "ربوة"

b) Para qurra' lain pula membacanya dengan meletakkan tanda "dammah" iaitu "ربوة".

** Perkataan "أسوة"

Firman Allah

"لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ" (Al-Ahzab : 21)

a) 'Asim membacanya dengan meletakkan tanda "dammah" di atas huruf "hamzah" mengikut Bahasa Qais dan Tamim dengan sebutannya "أسوة".

b) Qurra' lain membacanya dengan meletakkan tanda "kasrah" pada huruf " hamzah " mengikut Bahasa Hijaz dengan sebutannya "اسوة".

*** Perkataan "الرُّجُز"

Firman Allah "وَالرُّجُزُ فَاهْجِرْ" (Al-Muddathir : 5)

a) Hafs, Abu Ja'far dan Ya'kub membacanya dengan meletakkan tanda "dammah" pada huruf "ra" iaitu "الرُّجُز", ini bahasa orang Hijaz

b) Para qurra' lain pula membacanya dengan meletakkan tanda "kasrah" pada huruf "ra" iaitu "الرُّجُز". Ini Bahasa Tamim.

**** Perkataan "الوَتْرُ"

Firman Allah "وَالشَّفْعُ وَالوَتْرُ" (Al-Fazr : 3)

- a) Hamzah, Al-Kasa'i dan Khalaf Al-'Asyir membacanya dengan meletakkan tanda " kasrah " pada huruf " waw " iaitu " الْوَتْر " menurut Bahasa Tamim.
- b) Qurra' lain pula membacanya dengan meletakkan tanda " fathah " pada huruf " waw " iaitu " الْوَتْر " menurut Bahasa Quraysy.

3.4.6 : Contoh Lafaz-Lafaz Qabilah Di Dalam Al-Qur'an.

Sebelum penulis sudahi bahagian ini, eloklah penulis tuliskan beberapa contoh lafaz Al-Qur'an yang mempunyai erti yang sama tetapi berlainan perkataannya yang dipertuturkan oleh setengah qabilah dan manakala qabilah lain pula tidak menggunakannya. Di antara perkataan-perkataan tersebut ialah :-

Perkataan dari dlm. Al-Quran	Sinonimnya	Maknanya	Berasal qabilah
أَسْى	احزن	mendukacita	Quraysy
7 : 93			
أَنَاءُ اللَّيْلِ	ساعات الليل	Waktu-waktu	Huzayl
3 : 113		malam	
أَسْطَيْرِ	كَلَمْ	Percakapan / dongeng	Jurhum
8 : 31			

أسفارا	كتبا	Kitab-kitab	Kinanah
62 : 5			
اصاب	أراد	dikehendakki	Azd'Amman
38 : 36			
افرق	اقض	pisahkan	Madyan
5 : 25			
املاق	جوع	lapar/ miskin	Lakhm
6 : 151			
أنكر الأصوات	أفح	Seburuk-buruk	Himyar
31 : 19			
بئس	شديد	keras	Ghassan
7 : 165			
بغيا	حسدا	dengki	Tamim
2 : 213			
تارة أخرى	مرة أخرى	pada kali yang	Al-'Asy-
20 : 55		lain	'ariyun
تحبرون	تكرمون	kamu di-	Qays
43 : 70		gembirakan	'Ailan

تعضلوهن	تحبسوهن	menghalangi/ menegah mereka	Azd <u>Syanu'at</u>
2 : 232			
تغلوا	تربيدوا	kamu melampaui batas	Mazinat
4 : 171			
تميلوا	تخطئوا	kamu terlalu cenderong / melebihi	Saba'
4 : 129			
جناحك	يدك	tangan engkau	Banu Hanifat
28 : 32			
حق	وجب	wajiblah / berhaklah	Quraisy & Yaman
40 : 45			
رجا	ضيقا	keberatan	Qays 'Ailan
4 : 65			
حقبا	دهرا	bertahun- tahun	Mudhhij
18 : 60			
خراصون	كذابون	pendusta-	Kinānah &
51 : 10		pendusta	Qays 'Ailan
خمر	عنب	anggur	Tamim & Azd <u>'Amman</u>
12 : 36			

دمرنا	أهلكنا	kami telah hancurkan	Hadramaut
7 : 137			
رجا	عذابا	siksa	Tay' (طى)
2 : 59			
ريحان	رزق	rezeki	Hamdān
56 : 89			
سجرت	جمعت	meluap	Ja'syam
81 : 6			
شططا	كذبا	perkataan	Khath'ām
18 : 14		dusta	
الصور	القرن	waktu/ ketika/masa	Yaman
6 : 73			
طائره	عمله	amal perbuatannya	Anmār
17 : 13			
طائفة من الشيطان	تخسة	was-was dari syaitan	Thaqip
7 : 201			
لينة	نخلة	pokok kuīma	Al-'Aus
59 : 5			